



Title	Tenaga Nasional Berhad Annual report
Call Number	TNB HD 9685 .L36 1999
Accession Number	45556
Barcode	000000066754
Year	1999
Author	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Digitized Date	07 March 2016
Remarks	




LAPORAN TAHUNAN
1999
ANNUAL REPORT



**TENAGA
NASIONAL BERHAD**

(200866-W)



RASIONAL MUKA KULIT

MENYINARI MALAYSIA KE ALAF BARU

1999 adalah Jubli Emas Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sebagai pembekal utiliti elektrik terbesar negara, kami komited untuk terus berkerjasama dengan seluruh rakyat Malaysia ke arah mencipta masa depan yang lebih cerah.

Komitmen ini diserlahkan pada rekabentuk kulit Laporan Tahunan kami. Rekabentuk ini melambangkan usaha Syarikat yang berterusan untuk mencapai tingkat kualiti yang tertinggi, sokongan yang tidak berbelah bagi serta keyakinan yang padu dan jitu melalui tahap profesionalisme tanpa kompromi.

Inilah nilai-nilai murni yang menjadi asas utama kepada TNB dalam menjana kemajuan negara sejak 50 tahun yang lalu. Memberi sumbangan besar bukan sahaja kepada pembangunan projek-projek mega, sektor industri dan perdagangan, malah turut menerangi kegelapan malam di jalan-jalan, rumah-rumah dan di mana juar di Malaysia. Sesungguhnya kami akan terus gigih berusaha untuk memenuhi setiap keperluan, impian dan aspirasi seluruh rakyat Malaysia.

Rekabentuk ini dilatari dengan elemen-elemen operasi penjanaan, penghantaran dan pembahagian. Sejak 1949, TNB telah menyediakan perkhidmatan kepada berjuta-juta pengguna. Ini membuktikan bahawa TNB sentiasa menyokong setiap usaha negara dalam mengatur persediaan dan strategi untuk menghadapi apa juar rintangan dan cabaran alaf baru.

Manakala mentol pula melambangkan ikrar TNB untuk terus memainkan peranan yang sungguh bermakna dalam membantu menjana pembangunan negara hari ini, esok dan masa hadapan.



PENGERAK KEMAJUAN NEGARA

KANDUNGAN

45556

- 2-3 NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
 4-6 IMBAUAN PERISTIWA
 7 PROFIL KORPORAT
 8 KALENDAR KEWANGAN
 9 SOROTAN PRESTASI
 10-15 CARTA PRESTASI KORPORAT
 16-17 CARTA GRID NASIONAL
 18 STRUKTUR ORGANISASI SYARIKAT setakat 1 September 1999
 19 STRUKTUR KUMPULAN setakat 1 September 1999
 20 MAKLUMAT KORPORAT
 21 LEMBAGA PENGARAH
 22-24 PROFIL PENGARAH-PENGARAH
 25 JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH
 26 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH
 27 BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH
 28 PENYELESAIAN MASALAH TAHUN 2000
 29 URUSTADBIR KORPORAT
 30 PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM
 31 "AMERICAN DEPOSITORY RECEIPTS"
 32 LAPORAN KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR
 33 GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA
 34 JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN setakat 1 September 1999
 35 JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN setakat 1 September 1999
 36-37 PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF & PRESIDEN
 38 TINJAUAN OPERASI
 39-41 SYARIKAT TNB
 42-51 SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI
 54 HUBUNGAN KOMUNITI
 55-59 KALENDAR PERISTIWA KORPORAT
 60 ALAMAT-ALAMAT PENTING
 61-62 ANALISIS PEGANGAN SAHAM
 63-66 SENARAI HARTA
 67-72 PENYATA KEWANGAN
 73 BORANG PROKSI

UNITEN LIBRARY

Property of UNITEN Library.
 Action will be taken against any user who
 underlines words, makes notes in the
 margins or disfigures or damages book
 any way.

DATE RECEIVED :

ACCESSION NO.:

45556



NOTIS MESUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa **MESUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KESEMBILAN** Tenaga Nasional Berhad akan diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 28 Disember 1999, jam 9.30 pagi untuk tujuan-tujuan berikut:-

- 1. RESOLUSI 1** Menerima Laporan Pengarah dan Akun Yang Telah Diaudit bagi tahun berakhir 31 Ogos 1999 dan Laporan Juruaudit yang dilampirkan.
- 2. RESOLUSI 2** Meluluskan pengisytiharan dividen pertama dan muklamah sebanyak 5 sen seperaham biasa (ditolak: 28 peratus cukai pendapatan) bagi tahun berakhir 31 Ogos 1999.
- 3. RESOLUSI 3** Meluluskan pembayaran eluan Pengarah-Pengarah.
- 4. RESOLUSI 4** Memilih semula Pengarah, Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng, yang bersara menurut Artikel 136 Tataurus Syarikat, yang mana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.
- 5. RESOLUSI 5** Memilih semula Pengarah, Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak, yang bersara menurut Artikel 136 Tataurus Syarikat, yang mana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula.
- 6. RESOLUSI 6** Melantik semula Teluan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Pengarah-Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.
- 7. RESOLUSI 7** Sebagai Urusan Khas:
Untuk menimbang dan jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi berikut:

RESOLUSI BIASA

"PAHAWA menurut Seksyen 182D Akta Syarikat, 1965, kuasa penuh adalah dengan ini diberi kepada Pengarah-Pengarah untuk menerbitkan asham-asham di dalam modal Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan akan datang mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dan maksud yang tertentu sebagaimana Pengarah-Pengarah fikirkan sesuai mengikut kebijaksanaan mutlak mereka akan diterbitkan menurut Resolusi ini tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah modal asham terbitan Syarikat untuk sementara waktu ini, tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965 dan Tataurus Syarikat dan kelulusan Bursa Saham Kuala Lumpur dan badan-badan lain yang berkaitan yang mana kelulusan seumpama itu diperlukan".

8. Membincangkan perkara-perkara lain yang mana notis yang sepatutnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 1965.


NOTIS PENUTUPAN BUKU

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Buku Pendaftaran Ahli-Ahli Syarikat akan ditutup mulai 30 Disember 1999 sehingga 3 Januari 2000 (termasuk kedua-dua tarikh) bagi tujuan menentukan kelayakan ke atas dividen. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh Ahli-Ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan, akan dibayar pada 24 Januari 2000.

Pendeposit hanya layak untuk menerima dividen bagi:

- (a) Saham yang telah dipindahkan ke akaun sekuriti pendeposit sebelum jam 12.30 tengahari, pada 29 Disember 1999 bagi pindahan biasa;
- (b) Saham yang dibeli di Bursa Saham Kuala Lumpur atau daear kelayakan menurut Peraturan-Peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah


Datin Azizah binti Osman (LS 0014)
Fadilah binti Edross (LS 05049)
Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
4 Disember 1999

NOTA:

(i) Resolusi 7

Resolusi Biasa yang dicadangkan, jika diluluskan, ialah untuk memberi kuasa kepada Pengaruh-Pengaruh Syarikat menerbit dan memperuntukkan saham-saham bagi maksud sebagaimana dianggap oleh Pengaruh-Pengaruh untuk kepentingan Syarikat, tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Kuasa ini akan tamat pada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

(ii) Proksi

Seseorang Ahli yang berhati menghadiri dan mengundi di dalam Mesyuarat ini adalah berhati melantik seseorang proksi atau proksi-proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak dirinya. Seorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat. Borang parlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh orang yang melantik atau pihak yang berkuasa yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika orang yang melantik adalah sebuah perbadanan, sama ada disempurnakan dengan meterai atau dieempurnakan oleh pegawai atau wakil kuasa yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Borang Proksi hendaklah sampai kepada Pejabat Berdaftar Syarikat, Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad, 129 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari empat puluh-lapan (48) jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau sebarang perangguhan darinya.

(iii) Pendaftaran Ahli-Ahli/Proksi-Proksi

Pendaftaran bagi Ahli-Ahli/Proksi-Proksi yang hendak menghadiri Mesyuarat adalah dari jam 8.00 pagi hingga 9.30 pagi, pada hari Mesyuarat diadakan.

IMBAUAN PERISTIWA...




Pejabat Lembaga Letrik Negara (LLN) yang terletak di Batu Road, Kuala Lumpur pada awal tahun 60an.



Pembukaan rasmi Ibu Pejabat Lembaga Letrik Negara (LLN) di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur telah disempurnakan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1966.




Ibu Pejabat TNB.



1949

Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September.
Dari kiri ke kanan: N Sutcliffe (Jurutrengkas), Chong Yow Shin,
Dato' Hamzah bin Abdullah, JO Sanders, FP Egerton (Timbalan Presiden),
WD Godzall (Pengerusi), ED Shearn, FS McFadzean dan
K Read (Geliususaha dan Ketua Akauntan).



1983

DYMM Yang di-Pertuan Agong Kelima selepas upacara pembukaan rasmi Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSA) pada bulan Februari.



1974

Ketibaan Pardana Menteri, Tun Abdul Razak untuk meraikan sambutan Ulangtahun ke25 LLN pada 1 September.



1985

Daiuk: Leo Moggie (kiri) dengan Menteri Perdagangan & Perindustrian Singapura, Dr Tony Tan, selepas majlis persamian sambungtara NEE/PUB.



1978

Majlis menandatangani perjanjian sambungtara antara PUB dan EGAT pada bulan Julai.



1990

Ahli Lembaga Pengarah pada bulan Ogos.
Duduk dari kiri ke kanan: Dato' Megal Abdul Rahman bin Megat Ahmad,
Dato' Haji Ibak bin Abu Hussin (Timbalan Pengerusi & Pengurus Besar),
Dato' Helmi bin Mohd Noor (Pengerusi), Dato' Chan Keong Hon,
Dato' N Sadasivan.

Berdiri dari kiri ke kanan: Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan,
Haji Annuar bin Haji Abdul Latif, A Ragunath, Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng,
Yahaya Yaacob dan Mshmud Badri bin Haji Basir (Geliususaha).



Al-Marhum DYMM Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar di majlis perasmian stesen luar bandar untuk bekalan elektrik 12 jam pada awal 60an.



DYMM Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan rombongan di raja di majlis pelancaran bekalan elektrik 24 jam ke Kuala Tembeling, Pahang.



**Untuk menjadi di antara badan korporat
yang terunggul di dunia dalam perniagaan
tenaga dan berkaitan.**



**Kami berlitzam untuk mencapai
kecemerlangan dalam produk
dan perkhidmatan.**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah sebuah syarikat utiliti elektrik terbesar di Malaysia yang memiliki aset bernilai lebih RM43.0 bilion dan memberi khidmat kepada lebih lima juta pengguna di seluruh Semenanjung dan Sabah.

Aktiviti teras TNB adalah dalam bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. TNB masih merupakan syarikat utama dalam penjanaan tenaga elektrik iaitu bahagian yang penting dalam rangkaian kepelbagaian aktiviti perniagaannya. Pada masa ini, menerusi syarikat subsidiari milik penuhnya, TNB mempunyai keupayaan penjanaan yang terbesar melebihi 7,500 MW iaitu 62 peratus dari jumlah keupayaan bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

Pada masa sekarang, TNB mempunyai sistem perbekalan elektrik yang lengkap termasuk Grid Nasional, Pusat-Pusat Perkhidmatan Pengguna, Pusat-pusat Pengurusan Panggilan, pejabat-pejabat pentadbiran di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah dan juga sebuah universiti di Bangi, Selangor.

Syarikat ini melalui syarikat subsidiarinya juga turut bergiat dalam pembuatan alatubah, perkakasuis bervoltan tinggi dan kabel, menyediakan perkhidmatan perundingan profesional, perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pengangkutan dan perlindungan insuran, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan tinggi, pembangunan harta tanah dan perkhidmatan pengurusan projek, kerja-kerja dan perkhidmatan senibina, kejuruteraan awam dan elektrik.



KALENDAR KEWANGAN

TAHUN KEWANGAN 1 SEPTEMBER 1998 HINGGA 31 OGOS 1999

PENGUMUMAN KEPUTUSAN

Enam Bulan	Diumumkan Pada	11 Mei 1999
Tahun Sepenuhnya	Diumumkan Pada	21 Oktober 1999

DIVIDEN

Perlama dan Muhamad	Diumumkan Pada	21 Oktober 1999
	Tarikh Kelayakan	29 Disember 1999
Dividen Perlama dan Muhamad (Yaaar)		5 sen
	Akan Dibayar Pada	24 Januari 2000

PENGEDARAN LAPORAN TAHUNAN 1999

4 Disember 1999

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESEMBILAN

23 Disember 1999

PENUTUPAN BUKU DAFTAR SAHAM

30 Disember 1999



SOROTAN PRESTASI

	1999*	1998	1997	1996	1995
KEWANGAN					
(Kumpulan - RM 'juta)					
Jumlah Perolehan	12,108.0	11,429.4	10,014.6	9,145.5	6,855.3
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	977.8	(2,788.4)	144.7	1,163.7	1,626.0
Cukai	236.6	305.9	279.9	360.5	382.7
Aset Tetap	42,988.3	39,130.4	34,145.8	28,156.9	23,097.1
PENJANAAN					
Kesupayaan Terpasang TNB (MW)**	7,509.5	6,128.9	7,573	7,621	7,475
JUALAN ELEKTRIK					
Jumlah Unit Dijual (GW)	49,322.4	47,197.8	48,747.1	38,036.9	36,657.4
Hasil Jualan (RM 'juta)	11,716.1	11,075.6	9,699.9	7,895.3	6,622.7
PELANGGAN					
Bilangan Pelanggan	5,089,300	4,583,305	4,637,617	4,196,455	3,995,445
ANGGOTA KERJA (KUMPULAN)					
Bilangan Anggota Kerja	24,786	22,690	23,240	23,083	23,565
PEMEGANG SAHAM					
Bilangan Pemegang Saham Bumiputera	17,066	15,242	13,553	20,129	26,850
Bilangan Pemegang Saham Bukan Bumiputera	24,359	39,589	30,165	44,673	51,527
Bilangan Pemegang Saham Institusi	313	1,010	357	774	872
Bilangan Pemegang Saham Asing	1,912	966	929	836	351
Bilangan Pemegang Saham Agenzi Kerajaan	54	47	38	46	45
Bilangan Pemegang Saham Syarikat Nominée	4,533	5,289	6,813	163	179




Nota : * Semua angka termasuk SESB

**Grid Nasional

CARTA PRESTASI KORPORAT




Angka termasuk SESB




* Angka termasuk SESB


Aset Terapung (Damparan)



Pelanggan Pada Pengeluaran Penggunaan Elektrik Jumlah = 5,029,300




Persekolah (Loj)




* Angka termasuk SESB


Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Berjaya Dengan Perbelanjaan Modal (Kumpulan)



Bilangan Anggota Kerja (Kumpulan)



Bilangan Kerosakan (Taburan)




* Angka termasuk SESB

Contribution Percentage Total Generation Jelutong Grid

Hidro
6,082.93 GWj (18.56%)

Haba Lazim
(Arang Batu)
3,687.77 GWj (11.25%)

Kitar Padu
10,293.81 GWj (31.41%)



Haba Lazim
(Minyak/Gas)
9,089.97 GWj (27.74%)

Turbin Gas
3,618.95 GWj (11.04%)

Haba Lazim
(Arang Batu)
600 MW (7.99%)

Haba Lazim
(Minyak/Gas)
1,751 MW (23.32%)

Hidro
1,873.5 MW (24.95%)



Kitar Padu
1,557 MW (20.73%)


Turbin Gas
1,728 MW (23.01%)

Haba Lazim
(Arang Batu)
600 MW (5.0%)

Haba Lazim
(Minyak/Gas)
1,751 MW (14.60%)

Hidro
1,873.5 MW (15.62%)

Diesel
10 MW (0.09%)




Kitar Padu
1,557 MW (12.98%)

Turbin Gas
1,728 MW (14.41%)

IPP
4,474 MW (37.30%)

Nota : Grid Nasional


Kelak Baban Harian Padat Ogos 1999




PROGRAM PEMASANGAN LOJI JARINGAN ELEKTRIK TENAGA NASIONAL BERHAD 1999-2000

STESEN / PROJEK	JENIS	KEUPAYAAN	TARIKH SIAP
Sungai Piah Hilir I	Hidro	1 x 27.5 MW	Disember 1998
Sungai Piah Hilir II	Hidro	1 x 27.5 MW	Disember 1998
Pemulihan Chenderoh	Hidro	3 x 10 MW	Ogos 1999
Kapar - Fasa 3-Unit 1	Turbin Stim	1 x 500 MW	Disember 1999
Kapar - Fasa 3-Unit 2	Turbin Stim	1 x 500 MW	Disember 1999

CARTA GRID NASIONAL



SELANGOR



SABAH



SISTEM KUASA SABAH ELECTRICITY SDN BHD

WCG

66 kV Sedia ada


Dalam pembinaan

Dalam perancangan


LBI

ISTRUKTUR ORGANISASI SYARIKAT

(JULAI 1999)



STRUKTUR KUMPULAN



Penjanaan	Usahaniaga	Perkhidmatan Kejuruteraan	Perkhidmatan	Hartanah	Perkilangan	Penyelidikan & Pendidikan
TNB Generation Sdn Bhd 386991-W (100%)	TNB Ventures Sdn Bhd 401322-K (100%)	TNB Engineers Sdn Bhd 427038-K (100%)	Tenaga Risk Management & Services Sdn Bhd 310617-M (100%)	TNB Properties Sdn Bhd 278082-U (100%)	Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd 31108-W (73%)	Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd 398494-K (100%)
TNBG Hidro Sdn Bhd 471675-A (100%)	Tenaga Cabé Industries Sdn Bhd 189423-D (55.2%)	TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd 279964-A (100%)	TNB Logistics Sdn Bhd 377278-P (100%)	TNP Construction Sdn Bhd 464432-U (100%)	Tenaga Switchgear Sdn Bhd 321326-M (60%)	TNB Research Sdn Bhd 259519-A (100%)
TNBG Power Services Sdn Bhd 486653-X (100%)	Northern Utility Resources Sdn Bhd 407807-V (20%)	TNEC Operations and Maintenance Sdn Bhd 413455-M (100%)	TNB Metering Services Sdn Bhd 459682-K (100%)	Hicom-TNB Properties Sdn Bhd 488336-T (40%)	Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd 410867-W (92%)	Tenaga Microwave Technologies Sdn Bhd 263535-V (70%)
TNB Janamanjung Sdn Bhd 398456-H (100%)	TNB Power Daharki Ltd (100%)	Tomest Energy Management Sdn Bhd 455834-P (51%)	TNB Fuel Services Sdn Bhd 460430-K (100%)	Indera-TNB Properties Sdn Bhd 473261-U (40%)	Federal Power Sdn Bhd 17892-V (9%)	
Sabah Electricity Sdn Bhd 462872-W (80%)	Liberty Power Limited (100%)	Tenaga SPL Sdn Bhd 424407-M (100%)	TNB Workshop Services Sdn Bhd 459689-H (100%)	TNB Properties - JB Citytowers Sdn Bhd 472106-X (40%)		
Sumber Hidro Management Sdn Bhd 487998-U (100%)		Bangsar Energy Systems Sdn Bhd 407209-K (100%)	TNB-IT Sdn Bhd 466513-M (100%)	KM Metro - TNB Properties Sdn Bhd 487610-T (40%)		
Genting Sanyen Power Sdn Bhd 206361-W (20%)		Pendinginan Megajaya Sdn Bhd 468262-M (49%)	Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd 240859-H (39 %)	Zeus - TNB Properties Sdn Bhd 476293-A (40%)		
Segari Energy Ventures Sdn Bhd 248091-X (20%)		TNEC Construction Sdn Bhd 378587-D (100%)	Labuan Reinsurance (L) Ltd LL00067 (10%)	TNB Kekal Sdn Bhd 223383-T (100%)		
Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn Bhd 393788-H (20%)		Power and Energy International Mauritius Ltd (100%)	Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd 235796-U (6.37%)			
Port Dickson Power Berhad 263941-V (10%)		Independent Power International Ltd (100%)				
Bakun Hydro-Electric Corporation Berhad 292134-P (6.67%)		TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd 360318-P (100%)				
YTL Power International Berhad 406684-H (4.4%)		TNB Transmission Network Sdn Bhd 386970-M (100%)				
KRA Isthmus Development Company Ltd (1%)		TNB Distribution Sdn Bhd 386965-A (100%)				

Nota:

- Syarikat-syarikat Subsidiari
- Syarikat-syarikat Sub-Subsidiari
- Syarikat-syarikat Bersekutu
- Syarikat-syarikat Pelaburan
- 1 dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Ventures Sdn Bhd
- 2 dahulunya dikenali sebagai Uniphone Cables Sdn Bhd
- 3 dahulunya dikenali sebagai Tenaga Power Daharki Ltd
- 4 dahulunya dikenali sebagai Fibre Communications Network (M) Sdn Bhd
- 5 dahulunya dikenali sebagai Teliti Kekal (M) Sdn Bhd
- 6 dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Research & Development Sdn Bhd

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali
(*Pengerusi Eksekutif & Presiden*)

Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Dato' Zainun Aishah binti Ahmad
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Dato' Fuad bin Jaafar
(*Pengarah Eksekutif*)

Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Haji Mokhtar Rudin bin Wan Yusof
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Hajjah Kamariah binti Hussain
(*Pengarah Pengganti kepada
Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob*)

Puan Husniarti binti Tamin
(*Pengarah Pengganti kepada
Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid*)

PEJABAT BERDAFTAR & IBU PEJABAT

Tenaga Nasional Berhad
129 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon : 603-2825566
Faksimili : 603-2833686
Alamat URL : www.tnb.com.my
E-mel : azizah@tnb.com.my
fadilahe@tnb.com.my

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Datin Azizah binti Osman (LS 0014)
Fadilah binti Edross (LS 05049)

PENDAFTAR SAHAM

Seksyen Pendaftaran Saham
Aras 1, Bangunan Penjanaan
129 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
(Hingga 1 Februari 1999)

Bina Management (M) Sdn Bhd
Lot 10, The Highway Centre
Jalan 51/205, 46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
(Mulai daripada 2 Februari 1999)
Telefon : 603-7943922
Faksimili : 603-7941988

BANK-BANK UTAMA

Bumiputra-Commerce Bank Berhad
Tingkat Bawah & Satu, No. 21 & 23
Lorong Ara Kiri 1
Lucky Garden Bangsar
59100 Kuala Lumpur, Malaysia

Maybank Berhad
Cawangan Bangsar Utama
No. 20 & 22, Jalan 1/82B
Bangsar Utama, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Tingkat 11, Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50706 Kuala Lumpur, Malaysia

PENYENARAIAN BURSA SAHAM

Papan Utama, Bursa Saham Kuala Lumpur

LEMBAGA PENGARAH

Setakat 1 September 1999



Duduk dari kiri ke kanan:

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy
Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak
Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali
(Pengerusi Eksekutif & Presiden)
Dato' Fuad bin Jaafar
Dato' Zainun Aishah binti Ahmad

Berdiri dari kiri ke kanan:

Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob
Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid
Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad
Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng
Datin Azizah binti Osman
(Setiausaha Syarikat)
Hajjah Kamariah binti Hussain
(Pengarah Pengganti kepada Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob)
Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim
Haji Mokatar Rudin bin Wan Yusof
Puan Husniarti binti Tamim
(Pengarah Pengganti kepada Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid)

PROFIL PENGARAH-PENGARAH

Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertanggungjawab untuk menentukan haluan pengurusan dan hal ehwal korporat Syarikat. Daripada sebelas (11) orang Pengarah dan dua orang Pengarah Pengganti Syarikat, lima orang dilantik oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan enam orang dipilih oleh para pemegang saham. Dua orang daripada sebelas (11) ahli Lembaga Pengarah mewakili Syarikat, setiap seorang dari Kementerian Kewangan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) manakala yang lainnya adalah individu-individu yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan, kewangan dan hal ehwal korporat yang dipilih dari kalangan masyarakat.

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali dilantik sebagai Pengurus Eksekutif TNB pada 1 September 1996. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan Ketua Pengarah Institut Pialahan dan Penyelidikan Industri Malaysia (SIRIM). Sebagai sahaja tamat pendidikan menengah di Maktab Melayu Kuala Kangsar, beliau telah berangkat ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran di Brighton Technical College atas tajaan Lembaga Elekrik Negara (LLN). Pada tahun 1973, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (B Sc Eng) dari King's College, University of London. Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali juga memiliki Ijazah Ph D dalam jurusan Kejuruteraan Nuklear dari Queen Mary College, University of London (1977). Beliau adalah Ahli Utama Institut Kejuruteraan Malaysia dan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau juga telah bergrat secara aktif dalam bidang penyelidikan kuasa nuklear dan atom di dalam dan di luar negara khususnya sewaktu bertugas dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa. Beliau telah menghasilkan pelbagai laporan dan rencana mengenai pembekalan tenaga dan teknologi nuklear.

Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob

Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah TNB pada 1 Mei 1998 sebagai wakil Kementerian Kewangan Malaysia. Pada masa ini, beliau menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Kewangan. Beliau memiliki Ijazah Ph D (Ekonomi) dalam jurusan Ekonomi Pembangunan Antarabangsa dari University of Maryland, USA, Ijazah Sarjana Sains dari University of Wisconsin, USA dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya. Beliau menamatkan pendidikan persekolahan menengah di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Beliau telah berkhidmat dalam beberapa Jabatan Kerajaan, antaranya Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, FAMA dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa. Beliau juga menjadi ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Danaharta Nasional Berhad dan Danamodal Sdn Bhd.

Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid

Datuk Nuraizah binti Abdul Hamid, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dari Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana di dalam bidang Pentadbiran Awam dari American University, Washington DC pada tahun 1975. Dalam tempoh beberapa tahun, beliau pernah memegang beberapa jawatan penting dalam Jabatan Kerajaan bermula sebagai Penolong Setiausaha Kabinet di Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudiannya memegang jawatan Penolong Pengarah dan seterusnya Pengarah, Bahagian Pembangunan Sosial, Unit Perlaksanaan & Penyelarasaran (ICU). Beliau juga pernah berkhidmat di Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Pertanian dan di Bahagian Perjawatan dan juga Bahagian Gaji di Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau telah dipinjamkan selama dua tahun, dari tahun 1979-81 sebagai Pegawai Program di Suruhanjaya Ekonomi dan Social Asia Pasifik (ESCAP), Bangkok. Pada tahun 1992, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan mulai 1 Jun 1996, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Dato' Zainun Aishah Ahmad

Dato' Zainun Aishah Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TNB pada tahun 1995. Beliau menyertai MIDA sebagai Pegawai Ekonomi setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi pada tahun 1989. Dalam tempoh 30 tahun perkhidmatannya, beliau telah menyandang berbagai jawatan penting di MIDA dan juga di dalam majlis-majlis strategik kebangsaan, khususnya sebagai Pengarah Projek Nasional bagi perumusan Rancangan Induk Perindustrian Malaysia Pertama. Dato' Zainun Aishah juga adalah ahli Majlis Penasihat Akta Penyelarasan Perindustrian, Majlis Penyelidikan dan Pembangunan SIRIM, ahli Lembaga Pengarah Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd dan juga ahli Majlis Penyelarasan Perindustrian di dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Kedua.

Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad

Dato' Megat Abdul Rahman bin Megat Ahmad dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Lembaga Elekrik Negara (LLN) pada tahun 1977 dan terus memegang jawatan tersebut apabila LLN dikorporatkan pada tahun 1990. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Melbourne, Australia dan adalah ahli utama Institute of Chartered Accountants, Australia serta The Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA). Beliau pernah menjadi rakan-kongsi Tetuan Peat Marwick, Malaysia dan Rakan Urusan Tetuan Desa Megat & Co. Beliau pernah berkhidmat dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kumpulan Guthrie Berhad. Beliau juga adalah bekas Presiden MACPA dan Setiausaha Kehormat Dewan Perniagaan dan Industri Melayu, cawangan Kuala Lumpur. Beliau kini memegang jawatan pengarah/penasihat di dalam beberapa buah syarikat serta menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng

Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah LLN pada tahun 1988 dan TNB pada tahun 1990. Beliau memiliki Diploma Perdagangan dengan Kepujian dari kolej Tunku Abdul Rahman pada tahun 1972. Beliau menjadi ahli utama The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) pada tahun 1981 dan memperolehi ijazah daripada Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA). Beliau adalah seorang Aktaunian Awam dan merupakan ahli Institut Aktaunian Malaysia (MIA) semenjak tahun 1979. Beliau kini adalah Pengurus Koperasi Serbaguna Malaysia Berhad (KSM) dan juga menjadi ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat. Beliau juga menjadi ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua.

Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak

Tan Sri Dato' Chan Choong Tack telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TNB pada tahun 1994. Beliau berkelulusan Barrister-at-Law Lincoln's Inn, London, Ijazah LLB (Kepujian) dari University of London dan juga memiliki Ijazah Corporate Masters in Business Administration (CMBA) dari Ohio University, USA. Pada masa ini, beliau adalah rakan kongsi Tetuan Azalina, Chan & Chia, Peguambela & Peguamcara. Tan Sri Dato' Chan merupakan bekas Presiden Dewan Negara Malaysia dan Setiausaha Agung Parti Gerakan Rakyat Malaysia.

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah TNB pada tahun 1995. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari Polytechnic of Newcastle-upon-Tyne. Beliau adalah ahli Institut Kejuruteraan Malaysia, Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Kejuruteraan Malaysia dan merupakan Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia. Beliau juga adalah pengarah bagi beberapa syarikat awam.

Dato' Fuad bin Jaafar

Dato' Fuad bin Jaafar telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif TNB berkuatkuasa pada 4 September 1997. Beliau adalah pemegang Diploma Kejuruteraan Elektrik dari Brighton College of Technology, United Kingdom. Beliau mula berkhidmat dengan LLN pada 1 September 1986 sebagai Penolong Jurutera, Pembahagian dan telah dilantik sebagai Pengurus Besar, Kendalian dan Senggaraan Penghantaran sebelum dilantik untuk memegang jawatan sekarang sebagai Naib Presiden Kanan (Pembekalan Tenaga) pada 9 Ogos 1997.

Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim

Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim telah dilantik sebagai Pengarah TNB pada bulan Februari 1998. Beliau memiliki Diploma Kejuruteraan Elektrik dari Brighton College of Technology, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Falsafah dari Brighton Polytechnic, United Kingdom. Beliau memulakan kerjayanya dengan LLN pada tahun 1987. Dalam bulan Ogos 1994 beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan (Pembekalan Tenaga) dan seterusnya sebagai Pengarah Eksekutif. Beliau telah menyandang jawatan tersebut sehingga berasara pada bulan Ogos 1997. Beliau juga adalah ahli Institut Kejuruteraan Malaysia dan adalah seorang Jurutera Profesional Berdaftar.

Haji Moktar Rudin bin Wan Yusof

Haji Moktar Rudin bin Wan Yusof telah dilantik sebagai Pengarah TNB pada Februari 1998. Sebagai jurukur profesional, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan jurusan Pengukuran dari Western Australian Institute of Technology, Perth. Beliau dilantik sebagai ahli utama Institut Jurukur Malaysia pada tahun 1990 setelah menjadi ahli sejak 1976. Beliau adalah Ahli Parlimen Dungun, Terengganu, serta menjadi ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa buah syarikat awam dan persendirian.

Hajjah Kamariah binti Hussain

Hajjah Kamariah binti Hussain dilantik menganggolai Lembaga Pengarah TNB pada Mei 1998 sebagai Pengarah Pengganti kepada Dato' Dr Abdul Aziz bin Mohd Yaacob. Beliau kini menyandang jawatan Setiausaha di Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia. Sebelum menyandang jawatan sekarang, beliau merupakan Timbalan Setiausaha di Bahagian Analisis Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia, manakala sebelum itu di Bahagian Pengurusan Kontrak dan Pembekalan dan juga Bahagian Ekonomi dan Analisis Antarabangsa. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan, Kementerian Perlahanan. Beliau memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, USA. Hajjah Kamariah adalah juga ahli Lembaga Pengarah Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), Asian Supply Base Sdn Bhd dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

Puan Husniarti binti Tamin

Husniarti binti Tamin telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah TNB pada bulan November 1996 sebagai Pengarah Pengganti kepada Datuk Nurazizah binti Abdul Hamid. Beliau memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Oregon, USA. Beliau pernah menjadi Pengarah Seksyen Tenaga di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau kini bertugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Malaysia.

Datin Azizah binti Osman - Setiausaha Syarikat

Datin Azizah binti Osman telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat TNB mulai Ogos 1994. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Tadbir di LLN mulai 1 September 1971 dan memegang jawatan Timbalan Setiausaha Syarikat sebelum dilantik ke jawatan sekarang. Beliau memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Kepujian Undang-undang dari Anglia Polytechnic University, United Kingdom. Beliau juga memiliki Sijil Amalan Guaman (CLP) dan juga ahli Company Secretarial Practice Group (CSPG) di bawah naungan Malaysian Association of The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA). Beliau adalah Setiausaha Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah dan juga Setiausaha Syarikat kepada beberapa syarikat subsidiari TNB.

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH

Setakat 1 September 1999



Berdiri dari kiri ke kanan:

Dato' Fuad bin Jaafar - Pengarah Eksekutif

Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng - Pengurus (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Datin Azizah binti Osman - Setiausaha Syarikat

Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC) menyemak dari masa ke masa urusan perniagaan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan. Selaras dengan Bidang Tugasnya, BAC menumpukan perhatian kepada aspek-aspek penting, seperti berikut:

- Pengawalan korporat dan tanggungjawab pengurusan;
- Keberkesanan operasi perniagaan, penggunaan sumber secara optimum dan nilai untuk wang;
- Kewibawaan dan keberkesanan kawalan dalam untuk mencapai matlamat Kumpulan serta mengurus risiko-risikonya.

Memandangkan TNB adalah sebuah syarikat kejuruteraan, BAC menyemak kedua-dua aspek teknikal dan bukan teknikal dalam perniagaan bagi memastikan para pelanggan memperolehi taraf perkhidmatan tertinggi tanpa menjelaskan prinsip-prinsip ekonomi. Antara perkara-perkara yang dikaji adalah:-

- Mutu tenaga elektrik yang dibekalkan kepada pelanggan oleh pejabat-pejabat pembahagian wilayah di mana pemerhatian ditumpukan kepada jumlah gangguan bekalan dan kehilangan tenaga elektrik dalam sistem pengagihan;
- Keberkesanan dalam menguruskan projek-projek utama Syarikat dari segi kualiti, penjadualan dan kos;
- Prestasi kewangan dan teknikal stesen-stesen janaelektrik serta sistemnya;
- Prestasi syarikat-syarikat subsidiari dalam mencapai matlamat mereka serta kestabilan kewangan masing-masing.

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 1999, BAC telah mengadakan 14 mesyuarat untuk menyemak laporan-laporan yang dibentangkan oleh Jabatan Audit Dalaman. Dengan mengiktiraf kepentingan operasi aktiviti luar, sebahagian daripada mesyuarat ini diadakan di pejabat-pejabat wilayah. Mesyuarat-mesyuarat ini memastikan tindakan segera dijalankan oleh pihak pengurusan untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan keberkesanan operasi mereka. Mesyuarat-mesyuarat juga diadakan dengan juruaudit-juruaudit luar untuk mendapatkan maklumbalas bebas mengenai prestasi kewangan Kumpulan.

Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng

Pengerusi (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Tan Sri Dato' Chan Choong Tack @ Chan Choong Tak

(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy

(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Ir Mohd Yusof bin Ibrahim

(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Dato' Fuad bin Jaafar

(Pengarah Eksekutif)

Bidang Tugas Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Keahlian

Jawatankuasa ini dilantik oleh Lembaga Pengarah TNB dari kalangan mereka dan terdiri tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa ini adalah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat

Mesyuarat BAC hendaklah diadakan tidak kurang daripada enam kali dalam tahun kewangan TNB. Korum bagi mesyuarat BAC ialah tiga orang ahli. Semasa ketiadaan Pengerusi, ahli-ahli yang hadir akan memilih seorang ahli daripada kalangan mereka untuk menjadi Pengerusi mesyuarat tersebut. Mesyuarat dan prosiding BAC adalah dikawal oleh peruntukan yang terkandung di dalam Tatacara dan Tataurus Syarikat TNB. Sekurang-kurangnya sekali tahun, BAC akan bermesyuarat dengan Juruaudit tanpa kehadiran Pengurusan TNB atau Pengarah Eksekutif. Setiausaha BAC adalah Setiausaha Syarikat. Minit-minit Mesyuarat BAC hendaklah dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah TNB.

Kuasa

Jawatankuasa Audit ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam lingkungan bidang kuasanya dan tidak dikenakan sebarang sekatan untuk mendapatkan maklumat dari juruaudit dalam dan luar dan dari semua anggota kerja Kumpulan. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmatnasihat perundangan luar atau khidmatnasihat profesional bebas jika perlu.

Fungsi dan Bidang Tugas

- Menilai mutu dan keberkesanan sistem kawalan dalam dan kecekapan operasi Kumpulan;

- (b) Mengkaji dan mengesyorkan penerimaan atau penolakan dasar, prinsip dan amalan perakaunan utama;
- (c) Mengkaji penyata kewangan bagi setengah tahun dan tahunan Syarikat serta Kumpulan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah;
- (d) Meluluskan Piagam Audit Korporat dan memastikan bahawa fungsi audit dalaman diperolehi dengan secukupnya serta mempunyai kedudukan yang sewajarnya di dalam Kumpulan;
- (e) Meluluskan perlantikan Ketua Juruaudit Dalaman;
- (f) Mengkaji rancangan-rancangan Audit Dalaman serta bidang pengauditan. BAC juga boleh mengarahkan sebarang penyiasatan khas yang akan dijalankan oleh Audit Dalaman. Mengkaji laporan-laporan Audit Dalaman dan maklum balas Pengurusan serta memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya diambil berhubung dengan laporan-laporan ini berserta dengan resolusi BAC;
- (g) Mencalonkan Juruaudit Luar untuk menjalankan fungsi-fungsi lain sebagaimana dipersetujui oleh BAC dan Lembaga Pengarah serta mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah kelulusan bagi bayaran audit luar;
- (h) Mengkaji rancangan-rancangan Audit Luar dan bidang kerja mereka termasuk mengkaji laporan-laporan Audit Luar serta tindak balas Pengurusan dan memastikan supaya tindakan sewajarnya diambil berhubung dengan keputusan dan resolusi-resolusi yang dibuat oleh BAC;
- (i) Membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada Audit Dalaman atau Luar yang dijalankan dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit tanpa kehadiran pihak Pengurusan atau Pengarah Eksekutif apabila diperlukan;
- (j) Melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

seperti Petronas Gas dan para Penjana Kuasa Bebas turut ditubuhkan. Oleh kerana gas merupakan komoditi utama dalam penjanaan tenaga, bekalan gas kepada stesen-stesen janaelektrik hendaklah dijamin berkekalan supaya TNB dapat terus membekalkan komoditi utama iaitu tenaga elektrik.

Status Keseluruhan Projek Y2K TNB adalah seperti berikut:-

• Fasa 1	- Kesedaran dan Latihan	100%
• Fasa 2	- Inventori, Penilaian Impak dan Rancangan Pelaksanaan	100%
• Fasa 3	- Ujian Pematuhan dan Penerimaan	99%
• Fasa 4	- Rancangan Luar Jangka	100%

Tiga latihan "Drill" bagi Sektor Tenaga telah dijayakan pada 4-5 Ogos, 6-7 September dan 17-18 November 1999 yang melibatkan seramai 1,300 orang anggota kerja di seluruh negara. Penjana Kuasa Bebas dan Petronas Gas turut terlibat di dalam latihan ini.

TNB menjangkakan program Y2K bagi sistem-sistem yang kritikal akan dapat disempurnakan pada penghujung bulan November 1999.

TNB turut mengadakan Taklimat-taklimat Y2K bagi Pengguna-Pengguna Kuasa Besar dan Agensi-agensi Kerajaan Negeri dari masa ke masa.

TNB telah mematuhi Nota Amalan 2/99 Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berhubung pengumuman pematuhan penyelesaian Tahun 2000 kepada BSKL. Laporan-laporan sentiasa dihantar kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan juga kepada badan-badan berkanun yang lain. Laman web TNB (www.tnb.com.my) juga mengumumkan laporan-laporan tentang kemajuan langkah-langkah yang diambil oleh Syarikat bagi mengatasi cabaran Y2K.

PENYELESAIAN MASALAH TAHUN 2000

Masalah Tahun 2000, yang lebih dikenali sebagai pepijat alaf Y2K, timbul akibat penggunaan dua angka bagi menunjukkan sesuatu tahun dalam program pangkalan data komputer, iaitu angka 99 dirujukkan kepada tahun 1999. Sekiranya format dua angka ini terus digunakan, maka tahun 2000 akan dirujuk sebagai '00'. Oleh itu, TNB telah membangunkan satu program Y2K untuk menangani masalah ini. Program yang terletak di bawah pengawasan Pengerusi Eksekutif & Presiden ini sedang giat dijalankan.

Selain daripada pasukan-pasukan petugas dalaman, gabungan dengan pasukan pembekal perkhidmatan-perkhidmatan penting



Pengerusi Eksekutif & Presiden TNB menyaksikan 'Drill' Y2K untuk Unit 4 Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Kapar pada 22 Februari 1999.

URUSTADBIR KORPORAT

Di atas kesedaran bahawa pengekalan standard yang tinggi dalam bidang urustadbir korporat adalah sangat penting kepada semua pemegang saham dan mampu meningkatkan reputasi Syarikat dan keyakinan pelabur di Malaysia dan di luar negara, TNB sentiasa berusaha gigih untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pengamal urustadbir korporat yang terbaik. Untuk tujuan ini, pihak Syarikat telah mengawasi pembangunan urustadbir korporat dengan teliti dan isu-isu pengawalan dikaji semula dari masa ke masa.

Di TNB, program pendidikan dan latihan dalam urustadbir korporat disasarkan kepada para Pengarah, Setiausaha Syarikat, Juruaudit Dalaman, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, ahli Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan dan Eksekutif Pengurusan Kanan.

Program pendidikan dan latihan ini memberi penekanan terhadap hak, tugas, kewajipan, tanggungjawab dan liabiliti masing-masing di bawah undang-undang statut dan "common law", peraturan, garis panduan dan juga terhadap pelaksanaan Kod Urustadbir Korporat.

PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

TNB, sebagai salah sebuah syarikat terbesar di Bursa Saham Kuala Lumpur yang menarik minat pelabur-pelabur ekuiti dan pendapatan tetap dari dalam dan luar negeri, perlu memastikan bahawa para pemegang saham dan pengurus dana diberikan maklumat yang konsisten dan tepat mengenai Syarikat. Dengan itu, Unit Perhubungan Pelabur (IRU) di TNB mempunyai peranan yang penting untuk memastikan bahawa keperluan maklumat para pelabur dipenuhi dan TNB memberi gambaran sebenar perjalanan Syarikat.

Program IRU bertujuan untuk memberi penerangan yang tepat mengenai prestasi dan prospek TNB untuk mengurangkan keraguan pelabur dan memaksimumkan nilai pemegang saham. IRU juga memberi maklum balas kepada pihak Pengurusan mengenai isu-isu pelabur dan sentimen pasaran di samping merancang strategi untuk penyebaran maklumat.

Program Perhubungan Pelabur mengandungi bukan sahaja pengumuman rasmi keputusan kewangan dan Mesyuarat Agung Tahunan bahkan juga merangkumi perkara-perkara berikut :-

Pameran Dan Ekspo - Sepanjang tahun lepas, IRU telah mengambil bahagian dalam pameran dan ekspo seperti Multimedia Asia dan Elenex di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sympo '98 di Bukit Jalil, CEPSI di Dusit, Pattaya dan CIGRE di Sunway Lagoon Resort Hotel.



Taklimat berkenaan Urustadbir Korporat oleh Dato' Megat Najmuddin Megat Khas, Presiden Syarikat-syarikat Senarai Awam (FPLC) di Persidangan Teknikal TNB di UNITEN pada 4 Oktober 1999.

Persidangan - TNB telah mengambil bahagian dalam lebih daripada 20 persidangan yang diadakan oleh pelbagai firma penyelidikan pelaburan termasuk Solomon Smith Barney, Merrill Lynch, CLSA, Paribas Asia Equity, JP Morgan, Warburg Dillon Read, HSBC Securities dan Maybank Securities.

Taklimat Dalaman - TNB juga telah menganjurkan taklimat dalaman bagi pengurus-pengurus dana dan pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa.

Perjumpaan Satu-dengan-Satu - Lebih daripada 200 perjumpaan "satu-dengan-satu" dengan para pelabur ekuiti dan pendapatan tetap telah diadakan sepanjang tahun. Mesyuarat-mesyuarat ini terbukti berjaya meningkatkan kefahaman para pelabur mengenai Syarikat.

Pasukan IRU sentiasa berhubung rapat dengan komuniti kewangan melalui perbualan telefon dan maklumat kewangan dalam talian menerusi laman web TNB (www.tnb.com.my).

Pada masa akan datang, IRU akan menambah skop sokongan maklumat dalam talian dan mengenalpasti pelabur-pelabur yang berpotensi. Selain itu, IRU akan memperluaskan lagi perkhidmatannya melalui komunikasi dengan pelabur secara yang lebih proaktif, berusaha mendapatkan maklumbalas segera daripada pelabur-pelabur dan, seberapa yang boleh, mengadakan lawatan ke lokasi-lokasi tertentu untuk meningkatkan kefahaman pelabur tentang operasi Syarikat.

Untuk maklumat lanjut:

Azian Zainal Abidin
Pengurus Besar (Kewangan)
Tel: 603-285 6348
E-mel:azianz@tnb.com.my

Khairunnizam Naharudin
Pengurus Unit Perhubungan Pelabur
Tel: 603-285 6146
E-mel:khairunnizamn@tnb.com.my



Pengerusi Eksekutif & Presiden dan Naib Presiden (Perkhidmatan Korporat) dengan para pemenang Anugerah SEMS pada 14 November 1999.

"AMERICAN DEPOSITORY RECEIPTS"

TNB telah melancarkan program American Depository Receipts (ADR) Tahap 1 di New York, Amerika pada Januari 1994. Setiap satu ADR adalah setara dengan empat saham biasa TNB.

Satu-satunya Bank Penyimpan bagi program ADR ini ialah Malayan Banking Berhad. Bank of New York di Amerika Syarikat merupakan Bank Pendeposit dan ADR tersebut diniagakan di atas kaunter. Sejumlah 337,422 ADR telah diterbitkan di sepanjang tahun berakhir 30 September 1999.

Setakat 30 September 1999, bilangan saham biasa yang dipegang melalui ADR ialah 1,349,688 iaitu kurang daripada satu peratus dari modal terbitan dan berbayar Syarikat berjumlah 3,101,368,301.

KESELAMATAN PEKERJAAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

TNB melalui Jabatan Pengurusan Risiko, telah memperkenalkan 'Safety Excellence Management System' (SEMS) sejak tahun 1993. Langkah itu adalah bersesuaian dengan kehendak Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 1994 yang memerlukan pengawalan sendiri risiko di tempat kerja. SEMS diolah dan disesuaikan untuk TNB dari sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan antarabangsa. Untuk menjayakan program SEMS ini, dua pengauditan dalaman dilakukan berserta dengan pengauditan tahunan yang dijalankan oleh Juruaudit Bertauliah SEMS yang kini berjumlah hampir 450 orang. Pada tahun ini, sejumlah 120 pengauditan berjaya dijalankan di TNBG, TNBT dan TNBD. TNB turut mengadakan Malam Anugerah Kecemerlangan Keselamatan untuk stesen-stesen TNB yang berjaya mencapai tahap keselamatan terbaik. Sejak SEMS diperkenalkan kadar kemalangan telah menurun hampir 15 peratus setiap tahun.

Pada bulan September yang lalu, lima buah stesen janaelektrik TNBG telah menerima anugerah Keselamatan dari Malaysian Society of Occupational Safety & Health (MSOSH). Stesen Janaelektrik Sungai Perak dianugerahkan 'Anugerah Perak MSOSH',

Stesen Janaelektrik Sultan Ismail, Stesen Janaelektrik Melaka dan Stesen Janaelektrik Chenderoh dianugerahkan 'Anugerah Emas MSOSH'. Yang paling membanggakan ialah Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud Kenyir merupakan salah satu dari empat pemenang 'Anugerah Utama MSOSH'. Stesen Janaelektrik Jambatan Connaught diberi pengiktirafan 'Pasukan Pencegahan Kebakaran Cemerlang 1998 Negeri Selangor'.

Dari segi pengurusan alam sekitar, kebanyakan stesen janaelektrik TNB telah melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang mana memerlukan komitmen yang tinggi di setiap peringkat anggota kerja stesen berkenaan. Tiga buah stesen janaelektrik TNB telah mendapat pengiktirafan Standard Antarabangsa Alam Sekitar ISO 14001 setelah mencapai ISO 9001 sebelum ini. Stesen-sesen tersebut adalah Stesen Janaelektrik Serdang, Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud Kenyir dan Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar Port Dickson. Manakala Stesen Janaelektrik Serdang dan Stesen Janaelektrik Sultan Mahmud Kenyir kini telah dipilih untuk projek perintis bagi 'Occupational Health & Safety Assessment Series' (OHSAS) 18000.

GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Kumpulan Syarikat TNB tidak akan bertoleransi terhadap gangguan seksual di tempat kerja di kalangan anggota kerjanya. Oleh itu, adalah menjadi dasar Kumpulan ini bahawa setiap anggota kerjanya mematuhi Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di tempat kerja, yang dilancarkan oleh Kerajaan pada 17 Ogos 1999.

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN

Setakat 1 September 1999



Dari kiri ke kanan:

Dato' Pua Shien Tick - Naib Presiden, Rangkaian Penghantaran
(Keahlian tamat mulai daripada 1 September 1999)

Datuk Ir Md Sidek bin Ahmad - Naib Presiden, Perkhidmatan Pengguna
(Keahlian tamat mulai daripada 1 September 1999)

Pian bin Sukro - Naib Presiden, Usahaniaga

Datin Azizah binti Osman - Setiausaha Syarikat

Dato' Fuad bin Jaafar - Naib Presiden Kanan (Pembekalan Tenaga)/Pengarah Eksekutif

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali - Pengerusi Eksekutif & Presiden

Dato' Ir Zaghlol Hanafiah - Naib Presiden, Perkhidmatan Korporat

Hajah Che Zurina binti Zainul Abidin -

Naib Presiden, Perancangan Strategik & Pembangunan Korporat

Syed Fahkri Barakbah bin Tun Syed Sheh Barakhah - Naib Presiden, Kewangan

YM Engku Hashim Al-Edrus bin Engku Pengiran Anum - Naib Presiden, Sumber Manusia

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

TNB Generation Sdn Bhd (386991-W)

Haji Ab Hadi Md Deros
Pengarah Urusan

TNB Transmission Network Sdn Bhd (386970-M)

Haji Shafie Mat Zain
Pengarah Urusan

TNB Distribution Sdn Bhd (386965-A)

Datuk Md Sidek Ahmad
Pengarah Urusan

TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd (279964-A)

Muhayen Tukiban
Pengarah Urusan

TNB Research Sdn Bhd (259519-A)

(dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Research & Development Sdn Bhd)
Dato' Dr Mohd Ariff Araf
Pengarah Urusan

TNB Properties Sdn Bhd (278082-U)

Mohamed Zawawi Mohd Hashim
Pengarah Urusan

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (360318-P)

Khairuddin Md Yunus
Pengarah Urusan

TNB Janamanjung Sdn Bhd (398456-H)

Lt Cmdr (R) Haji Mohd Ismail Che Mat Din
Pengarah Urusan

Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd (398494-K)

Dr Tajul Arus Noh
Pengarah Urusan/Rektor

TNB Engineers Sdn Bhd (427038-K)

Dato' Hajjah Sabariah Sabtu
Pengarah Urusan

Tenaga Risk Management & Services Sdn Bhd (310617-M)

Norsiah Abdul Wahab
Pengarah Urusan

TNB Logistics Sdn Bhd (377278-P)

Johari Haji Arbain
Pengarah Urusan

TNB Metering Services Sdn Bhd (459682-K)

Lim Teck Guan
Pengarah Urusan

TNB Fuel Services Sdn Bhd (460430-K)

Zainal Abidin Husin
Pengarah Urusan

TNB Workshop Services Sdn Bhd (459689-H)

Dr Mohd Amin Abdul Majid
Pengarah Urusan

TNB Kekal Sdn Bhd (223383-T)

(dahulunya dikenali sebagai Teliti Kekal (M) Sdn Bhd)
Samat Ayob
Pengarah Urusan

Tenaga SPL Sdn Bhd (424407-M)

Dr Salim Sairan
Pengarah Urusan

Sumber Hidro Management Sdn Bhd (487998-U)

Tajudin Ariff
Pengurus Projek

Liberty Power Limited

Mokhtar Majid
Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd (31108-W)

Mohd Nasir Ahmad
Pengarah Urusan

Tenaga Switchgear Sdn Bhd (321326-M)


Mohd Jamaludin Shamsudin
Ketua Eksekutif

Sabah Electricity Sdn Bhd (462872-W)

Mohd Yatim Yunus
Pengarah Urusan

Tenaga Cable Industries Sdn Bhd (189423-D)

(dahulunya dikenali sebagai Uniphone Cables Sdn Bhd)
Syed Kamarulzaman Syed Kabeer
Pengarah Urusan



Pengerusi Eksekutif & Presiden
Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali

“ Di dalam TNB terdapat satu budaya unik berteraskan hasrat hendak mencapai kejayaan dan bertujuan untuk memastikan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan diterima dan dianggap sebagai yang terunggul oleh para pelanggan kami. ”

PERUTUSAN PENGERUSI EKSEKUTIF & PRESIDEN

Pada tahun 1999, Tenaga Nasional Berhad (TNB) kembali menikmati keuntungan. Syarikat menjadi lebih teguh walaupun mengalami keadaan operasi yang agak terjejas semasa krisis ekonomi melanda negara. Keberkesanan langkah-langkah yang diambil pada tahun 1998 bagi menangani kesan penguncutan ekonomi dan peningkatan kos jelas terbukti jika dilihat pada prestasi syarikat yang bertambah baik pada tahun 1999. Langkah-langkah yang kini masih terus dilaksanakan termasuklah kajian semula yang terperinci ke atas pengurangan perbelanjaan modal bagi memastikan peruntukan sumber yang optimum, memaksimumkan penggunaan aset-aset dan kemudahan-kemudahan sedia ada, menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan proses perniagaan dan kecekapan operasi Syarikat.

Dengan pelaksanaan kawalan modal terpilih dan pengembangan usaha-usaha fiskal oleh pihak Kerajaan pada suku terakhir 1998, keyakinan di kalangan sektor-sektor perniagaan telah kembali pulih. Ini jelas dilihat pada pertumbuhan ekonomi yang positif sebanyak 4.1 peratus pada suku kedua tahun ini selepas mengalami penguncutan ekonomi selama lima suku berturut-turut. Ini juga jelas dilihat pada peningkatan keseluruhan jumlah penjualan tenaga elektrik sebanyak 0.74 peratus berbanding dengan tahun lalu, walaupun mengalami kemelesetan pada separuh pertama tahun kewangan ini.

Satu program yang agresif bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos operasi, menghapuskan pembaziran dan mencatu modal yang bijak telah membuatkan hasil yang positif. Pelaburan dan penggunaan Teknologi Maklumat telah dilaksanakan sewajarnya bertujuan untuk meningkatkan kelancaran pengaliran maklumat bagi memudahkan proses membuat keputusan. Usaha-usaha ini sejajar dengan usaha-usaha yang telah diambil oleh TNB bagi menggabungkan pelbagai struktur perniagaan, sistem dan proses sedia ada. Keupayaan sistem, dayaharap perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan pengguna telah meningkat berterusan sejak program ini dijalankan dalam bidang Penjanaan, Penghantaran dan Pembahagian.

Kita juga menyedari bahawa industri bekalan elektrik di Malaysia akan mengalami perubahan pasaran yang lebih terbuka. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memulakan satu program untuk meliberalisasikan industri ini. Dalam mencapai hasrat ini, dapat dilihat bahawa Kerajaan telah mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan proses tersebut mengambilkira kesan krisis ekonomi terhadap persekitaran perniagaan di Malaysia. Undang-undang yang berkaitan kini sedang dikaji semula untuk memudahkan peralihan industri ke arah yang lebih cekap dan memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia secara am.

Persaingan di dalam sektor tenaga akan bertambah sengit dengan bertambahnya bilangan penyertaan di dalam pasaran tenaga pukal. Kini, TNB telah menyelesaikan penyusunan semula dalam dengan menganaksyariakatkan Jabatan Penjanaan, Jabatan Penghantaran dan Jabatan Pembahagian. Penjualan aset-aset penjanaan haba akan membuka laluan untuk mewujudkan persaingan perniagaan yang lebih adil dalam sektor penjanaan. Usaha ini adalah selari dengan usaha untuk

menjadikan TNB sebuah syarikat penghantaran dan pembahagian yang terunggul tetapi masih mempunyai pegangan ekuiti dalam sektor penjanaan. Selain daripada sebagai satu tindakbalas wajar terhadap keperluan-keperluan industri yang berubah, usaha-usaha penyusunan semula dalam ini mampu menjadikan unit-unit operasi lebih berdaya untung dan meningkatkan akauntabiliti pelbagai unit yang beroperasi.

Untuk membantu sektor penjanaan beralih ke persekitaran yang lebih kompetitif, TNB telah memulakan dan akan terus melaksanakan program penjualan aset-aset penjanaan haba. Pembentukan Jabatan Pengurusan Sistem Grid (GSMD) akan membantu perpindahan fungsi-fungsi perancangan penghantaran pengeluaran dan pentadbiran perkhidmatan tenaga kepada Operator Pasaran Bebas (IMO), yang dicadangkan penubuhannya oleh Kerajaan pada tahun 2000. Jabatan baru ini bertanggungjawab terhadap perancangan sistem jangka panjang, perancangan pengeluaran sistem, pemerolehan dan penyelesaian tenaga. Ini memperkuatkan komitmen kami untuk membantu merealisasikan industri bekalan elektrik yang lebih cekap tanpa menjaskan nilai pemegang saham.

TNB berpendapat dasar terbuka industri bekalan elektrik sebagai satu perkembangan yang positif kerana ia akan meningkatkan kecekapan operasi dan mencipta peluang-peluang perniagaan yang baru. Justeru, TNB sentiasa berusaha gigih untuk membangunkan rangkaian produk dan perkhidmatan baru yang inovatif yang berkaitan dengan sektor tenaga bagi meningkatkan pertumbuhan pendapatan Syarikat pada masa hadapan.

Dasar empat-bahanapi negara telah dirangka bagi mengurangkan penggantungan yang berlebihan ke atas minyak sebagai sumber tenaga. Dasar ini bertujuan untuk mendapatkan campuran bahan api untuk bekalan tenaga seperti minyak, gas, arang batu dan kuasa hidro. Dasar ini telah berjaya mengurangkan penggunaan minyak dalam menjana tenaga daripada 84.9 peratus pada tahun 1980



“TNB mendapat “Anugerah Majikan Prihatin” oleh Kerajaan Malaysia sempena sambutan Hari Pekerja 1999.”

kepada tahap semasa iaitu lebih kurang 22.5 peratus. Menyedari tentang betapa perlunya untuk mendapatkan sistem tenaga negara yang lebih berdayakekal, Kerajaan sedang mengkaji kewajaran untuk meluaskan dasar empat-bahanapi ini dengan menyatukan tenaga boleh dibaharu sebagai bahanapi kelima.

Kerajaan juga sedang mengkaji penggunaan tenaga yang lebih cekap melalui Strategi Kecekapan Tenaga Negara. TNB sangat berbangga kerana diiktiraf oleh Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai usaha proaktif dalam aspek tenaga boleh dibaharu dan "demand side management". TNB telah melaksanakan pelbagai projek dari pengurusan beban, penyimpanan tenaga haba, penggalakan peralatan elektrik yang cekap, kempen kesedaran dan projek demonstrasi kecekapan tenaga.

Manakala dalam bidang penyusunan teknologi, Fasa 1 dalam sistem grid utama Semenanjung Malaysia 500 kV telah siap sepenuhnya dan dimulatugaskan. Dengan memulatugaskan grid 500 kV ini, sistem bekalan di Semenanjung Malaysia kini telah dipertingkatkan. Bagi meningkatkan respons perkhidmatan kami kepada para pelanggan, TNB juga telah menjalankan automasi pembahagian melalui pelaksanaan sistem-sistem Kawalan Penyeliaan dan Pemerolehan Data (SCADA) ke dalam rangkaian pembahagian.

Pada masa ini, satu usaha penting telah diambil bersama-sama dengan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) bagi menyambungtara dua sistem grid negara melalui penyambungtara Arus Terus Bervoltan Tinggi (HVDC). Apabila projek ini siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini, ia akan menjadi satu detik bersejarah dalam usaha mewujudkan Grid Tenaga ASEAN yang akan menjamin bekalan tenaga jangka panjang dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi bagi rantau ASEAN.

TNB sentiasa memainkan peranan aktif dalam memelihara dan mengekalkan alam sekitar. Menara-menara penghantaran di kawasan-kawasan bandar dibina dengan mengambil kira kesesuaianya dengan persekitaran. Malah, loji-loji janaelektrik



Projek Empangan Hidro ini membuktikan bahawa flora dan fauna tidak terjejas olehnya.

jugadipastikan berasimilasi secara estetik dengan persekitaran. Emisi dan afluensi yang dikeluarkan semasa proses penjanaan tenaga sentiasa diuruskan sebaik mungkin melebihi keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. TNB melaksanakan kawalan keselamatan dan kesihatan yang ketat di tempat kerja.

Dalam aspek pembangunan sumber manusia dan kepemimpinan, TNB sedang melaksanakan satu program perubahan baru bagi membina keupayaan sumber jangka panjang. Program perubahan ini sepenuhnya berlandaskan kepada visi dan misi baru TNB. Kumpulan-kumpulan pengurus peringkat pertengahan digerakkan untuk terus berusaha ke arah isu-isu peningkatan organisasi yang berkaitan dengan pencapaian visi dan misi Syarikat. Ini menyediakan satu forum untuk pengenalan dan pembangunan kader-kader baru yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan. Melalui usaha-usaha penggalakan kualiti yang dilaksanakan oleh Syarikat sejak bertahun-tahun yang lalu, aktiviti-aktiviti berkualiti dengan kumpulan yang kecil adalah lebih merupakan satu cara hidup di kalangan anggota kerja TNB. Aktiviti-aktiviti berkualiti ini dikekalkan melalui pengiktirafan tahunan kepada pencapai-pencapai kualiti di Konvensyen Kualiti Tahunan Syarikat.



Stesen Janaelektrik Kapar.

TNB telah berusaha sedaya upaya untuk memberi tempat perlindungan kepada burung-burung pantai yang sering berhijrah.

Dalam aspek perhubungan antarabangsa, TNB memainkan peranan yang aktif dalam menganjurkan banyak persidangan dan simposium teknikal dan perniagaan bagi menggalakkan pembangunan industri bekalan elektrik melalui kerjasama antarabangsa. TNB juga aktif dalam forum-forum antarabangsa dan serantau seperti ASEAN Utilities Cooperation Forum, Association of the Electricity Supply Industry of East Asia and the Western Pacific (AESIEAP).



Kuala Lumpur pada waktu malam.

TNB memasuki alaf baru dengan penuh keyakinan bahawa isu Y2K adalah terkawal. Secara keseluruhan, sehingga September 1999, projek Y2K telah siap pada tahap 94 peratus. Jawatankuasa Pemandu Y2K yang dipimpin oleh saya sendiri sedang melaksanakan semua langkah-langkah yang perlu diambil bagi mencegah masalah Y2K. Sistem-sistem komponen kritikal yang berpotensi untuk mengganggu bekalan elektrik telah diberi keutamaan untuk pematuhan Y2K. Tiga Woksyop Pembangunan Latihan Y2K untuk sektor tenaga telah dianjurkan dengan jayanya pada Ogos, September dan November 1999. Satu Rancangan Kontingensi juga telah siap disusun sepenuhnya. Siri taklimat tentang status Y2K TNB dan rancangan-rancangan kontingensi Y2Knya juga sedang giat dijalankan bersama Pengguna-pengguna Kuasa Besar dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri oleh Sekretariat Y2K dan Jawatankuasa Penyelaras Y2K.

Keteguhan kami adalah berlandaskan kepada warisan murni kami di mana kami percaya bahawa pengetahuan dan kepakaran yang lebih hebat menghasilkan kekuatan yang lebih teguh. Kami mempunyai kumpulan anggota kerja yang berbakat untuk menerajui operasi kami. Malah, kami juga mempunyai semua sumber dan kepemimpinan yang disegani oleh syarikat-syarikat lain dalam industri. Kami juga memiliki bilangan pelanggan yang terbesar untuk sebuah syarikat di Semenanjung Malaysia. Pendek kata, kami memiliki jenama yang unik.

Saya berasa bangga untuk menyatakan di sini bahawa pihak pengurusan dan anggota kerja TNB telah dengan pantas menyedari tentang pelbagai cabaran yang akan dihadapi sepanjang tahun dan telah mula untuk mencipta perubahan dan pendekatan dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawab mereka.

Keteguhan TNB yang berterusan adalah hasil daripada komitmen padu pihak pengurusan dan anggota kerjanya. Saya sangat berbesar hati dengan sumbangan yang telah mereka berikan. Bagi pihak Ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua anggota kerja TNB di atas semangat, komitmen dan sumbangan mereka pada tahun 1999.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa para pelanggan yang merupakan pemegang saham terbesar kami telah menghargai segala kesukaran yang kami hadapi dan masih memberikan keyakinan dan sokongan yang berterusan sejak bertahun-tahun yang lalu.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah atas kerjasama dan sokongan kepada saya sepanjang tahun. Penghargaan dan terima kasih saya juga kepada para pelanggan, pemegang saham, pembekal dan kontraktor, Kerajaan dan pihak-pihak lain yang telah memberikan keyakinan dan sokongan kepada Tenaga Nasional Berhad.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Tajuddin Ali". The signature is fluid and cursive, with a horizontal line through it.

Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi Eksekutif & Presiden



Kerja-kerja senggaraan di loji janakuasa.

TINJAUAN OPERASI

PENGENALAN

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan menyatukan semua kekuatan yang ada pada TNB, pihak Syarikat telah melaksanakan penyusunan semula rangkakerjanya dengan mewujudkan bahagian-bahagian baru di peringkat Syarikat dan memulakan operasi beberapa syarikat subsidiari di peringkat Kumpulan.

Bahagian-bahagian di peringkat Syarikat menawarkan Khidmat Kesetiausahaan Syarikat, Audit, Perolehan, Pengurusan Kontrak, Hal-Ehwal Undang-undang, Pengurusan Kewangan, Perancangan Korporat dan Pembangunan Bisnes, Sumber Manusia dan Komunikasi Korporat.

Sementara di peringkat Kumpulan pula, TNB Generation Sdn Bhd (TNBG) yang mula aktif pada 1 September 1997, telah merintis jalan kepada bermulanya operasi dua buah lagi syarikat subsidiari iaitu TNB Transmission Network Sdn Bhd (TNBT) dan TNB Distribution Sdn Bhd (TNBD) pada 1 September 1999.

Ini menjadikan TNB lebih bersedia untuk menghadapi semua cabaran trend ekonomi global yang sering berubah-ubah.


Di TNBD, tiga komponen utama iaitu Perkhidmatan Pengguna, Perkhidmatan Rangkaian dan Perkhidmatan Sokongan akan membantu mengoptimumkan setiap peringkat perkhidmatan pengguna dari aplikasi hingga ke pemasangan, dari operasi ke penyenggaraan dan dari pengebilian ke pengukuhan perkhidmatan.

TNBT adalah pembekal perkhidmatan rangkaian penghantaran bagi Semenanjung Malaysia dan telah membangunkan sistem grid yang teguh bagi menyokong prasarana bekalan elektrik negara. Ia merangkumi talian dan pencawang yang mengendalikan penghantaran kuasa pukal sehingga 500 kV.

Pada tahun laporan, Bahagian Perancangan Korporat dan Usahaniaga telah disusun semula dan dua bahagian baru iaitu Bahagian Usahaniaga dan Bahagian Perancangan Strategik & Pembangunan Korporat telah ditubuhkan.

Bahagian Usahaniaga bertanggungjawab untuk menilai dan membangunkan usahaniaga perniagaan yang baru di peringkat domestik dan antarabangsa serta memantau, menyelaras dan mengaudit kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu TNB. Peranan Bahagian Perancangan Strategik & Pembangunan Korporat merangkumi Perancangan Korporat dan Strategi, Pengurusan Strategik, Pembangunan Korporat, Pengurusan Aset Penjanaan, Perkhidmatan Maklumat dan Sekretariat Kualiti Korporat. Tugas utamanya termasuklah menguruskan perubahan perspektif TNB dan secara amnya merumus strategi dan tindakan yang perlu diambil.

Pada tahun laporan, bekalan yang berdayaharap dan terjamin memainkan peranan utama dalam memastikan TNB terus menjadi penggerak pembangunan dan kemajuan negara.



Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie melancarkan TNB Transmission Network Sdn Bhd dan TNB Distribution Sdn Bhd pada 1 September 1999

SYARIKAT TNB

Seliausaha Syarikat

Pejabat Seliausaha Syarikat diwujudkan selaras dengan peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Seksyen 139 Akta Syarikat 1965. Seliausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam memastikan Syarikat dan Kumpulannya mematuhi Urustadbir Korporat dan bertindak selaras dengan undang-undang berkenan dan kod amalan berhubung dengan perniagaan Syarikat serta Tatacara dan Tataurusun Syarikat.

Pejabat Seliausaha Syarikat juga bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah Syarikat dan Kumpulan dengan memberi perkhidmatan keseliausahaan profesional dan khidmat nasihat mengenai isu-isu perundangan Syarikat serta isu-isu yang berkaitan dengan urusniaga saham.

Pejabat Seliausaha Syarikat mengatur mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya serta Mesyuarat-mesyuarat Agung Tahunan di peringkat Syarikat dan Kumpulan. Pada tahun laporan, di peringkat Syarikat, sebanyak 18 mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk satu Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan. Selain itu, 14 mesyuarat Jawatankuasa Audit, 16 mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan, 11 mesyuarat Jawatankuasa Tender, 10 mesyuarat Jawatankuasa Perjawatan, satu mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan dan satu mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib turut diadakan. Untuk tujuan-tujuan ini, Seliausaha Syarikat bertindak sebagai penghubung antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menyalurkan secara berkecuaan usul-usul yang dicapai oleh Lembaga Pengarah untuk pelaksanaan oleh semua pihak yang berkenaan.

Sejajar dengan undang-undang yang semakin banyak digubal, peningkatan tumpuan terhadap isu-isu Urustadbir dan Pematuhan Korporat serta kesan teknologi maklumat, tugas dan tanggungjawab Seliausaha Syarikat telah turut bertambah. Sebagai nadi dan pangkalan data maklumat Syarikat, Seliausaha Syarikat sentiasa menjadi sumber rujukan utama. Malah, Seliausaha Syarikat yang juga bertanggungjawab dalam sejak Urustadbir Korporat turut membantu menjayakan pelbagai program pendidikan dan latihan untuk para Pengarah dan pengurusan peringkat tinggi dari masa ke masa.

Kewangan

Kumpulan Syarikat TNB menggunakan perisian SAP R/3 dalam Sistem Maklumat Pengurusan Kewanganinya (FMIS) bagi memenuhi keperluan-keperluan pelaporan kewangan dan pengurusan Syarikat. Satu lagi sub sistem yang dihubungkan dengan FMIS ialah Sistem Bil Maklumat Pelanggan (CIBS) untuk jualan elektrik dan pembayaran, Sistem Maklumat Pengurusan Bahan (MMIS) untuk stok dan kos bahan dan Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS) untuk maklumat pengajian. Sokongan fungsi dan sokongan teknikal SAP

R/3 untuk modul-modul FMIS telah dilakukan sendiri secara dalaman oleh Syarikat.

Pada tahun laporan, FMIS telah pun digunakan oleh syarikat-syarikat subsidiari seperti TNB Metering Services Sdn Bhd (TNBM), TNB Distribution Sdn Bhd (TNBD), TNB Transmission Network Sdn Bhd (TNTB) dan TNB Generation Sdn Bhd (TNBG). Modul Pengurusan Bahan (MM) telah dilaksanakan dengan jayanya di TNBG dan akan dilaksanakan pula di TNBD dan TNTB pada tahun berikutnya. Kumpulan telah melaksanakan perakaunan kos projek bagi meningkatkan pengaliran maklumat dan kawalan kos ke atas projek-projek modal yang baru. Bagi mempertingkatkan pengawasan terhadap projek-projek modal, pengurusan tunai dan penjadualan projek akan dilaksanakan di TNTB dan TNTB.

Dengan perselitaran kewangan yang semakin rumit, keperluan untuk memusatkan pengurusan aliran tunai semakin penting. TNB telah membentuk Unit Pengurusan Perbendaharaan Pusat (CTMU) yang menggunakan perisian pengurusan perbendaharaan yang canggih iaitu Integra-T. Perisian ini akan dihubungkan dengan modul pengurusan tunai apabila dilaksanakan. Antara tumpuan-tumpuan utama unit ini ialah pengurusan aliran tunai di peringkat Kumpulan, pembentukan objektif perbendaharaan, polisi, proses dan amalan serta risiko operasi yang berkaitan. Pasukan Pengurusan Risiko Perbendaharaan sedang ditubuhkan bagi meningkatkan kawalan dan pengawasan terhadap kegiatan perbendaharaan serta kean perubahan harga bahan api.

Dalam tahun kewangan semasa, penjualan Loji Janakuasa Melaka telah dilaksanakan sementara Loji Janakuasa Kapar telah memasuki peringkat akhir pembincangan untuk tujuan jualan. Sebahagian daripada rancangan pembiayaan Korporat, struktur pembiayaan kewangan Loji Janakuasa Kapar akan membolehkan TNB melaburkan hasil jualan di dalam suatu usahaniaga sementara meminjam dari pasaran wang jangka pendek untuk memenuhi keperluan dananya. Dengan cara ini, TNB akan memperolehi pulangan yang lebih tinggi daripada modal yang dilaburkan jika dibanding dengan kos pinjamannya. Ini juga mengakibatkan harga lawaran yang lebih tinggi bagi Loji Janakuasa tersebut.

Untuk meningkatkan kawalan dan mengukuhkan aksuntabiliti, Kumpulan telah melaksanakan satu Rangka Laporan Pengurusan Belanjawan dan Kewangan. Rangka Belanjawan ini memperkenalkan pelbagai kaedah bagi membantu perancangan dan pengawalan perbelanjaan modal dan hasil. Penekanan yang sama turut diberikan terhadap pulangan kewangan di setiap perbelanjaan modal. Sementara itu, Format Pelaporan Kumpulan menyediakan rangka laporan untuk maklumat kewangan dan pengurusan penting berljuuan untuk mengukuhkan aksuntabiliti di semua peringkat. Polisi dan prosedur kewangan Kumpulan juga telah diperkemasan bagi memastikan ia masih relevan dan konsisten. Penggabungan maklumat kewangan Kumpulan akan terus diperkuuhkan melalui automasi persediaan dan penghantaran laporan dan juga melalui pelaksanaan penyatuan perisian.

Rombatan dan pengubahan infrastruktur, proses-proses, kaedah kawalan dan pengawasan dalam fungsi Kewangan Kumpulan

bermula awal tahun kewangan dan akan selepas sebahagian besar pada tahun kewangan yang akan datang.

Unit Cukai dalaman Syarikat telah ditubuhkan pada tahun laporan sebagai satu usaha menyediakan sokongan kumpulan untuk menangani isu-isu percutiaian. Malah, ia juga bertindak sebagai unit kawalan bagi memastikan pematuhan kepada peruntukan undang-undang cukai.

Perkhidmatan Korporat

Perkhidmatan Korporat merupakan satu bahagian dalam TNB yang menyediakan pelbagai perkhidmatan untuk menyokong pencapaian matlamat perniagaan Syarikat dan Kumpulan. Perkhidmatan-perkhidmatan ini disalurkan melalui Perkhidmatan Perolehan, Perkhidmatan Pengurusan Risiko, Perkhidmatan Hartanah, Keselamatan, Hal Ehwal Undang-undang dan Program Pembangunan Usahawan yang telah disusun dengan strategik untuk mendapatkan sokongan padu. Di samping itu, Komunikasi Korporat sentiasa berusaha gigih memainkan peranan pengurusan strategik dalam menentukan imej yang positif untuk TNB.

Pada tahun laporan, Perkhidmatan Korporat memastikan kontrak-kontrak yang diberi mematuhi sepenuhnya dasar perolehan TNB demi menjamin Syarikat memperolehi nilai, bahan dan perkhidmatan yang terbaik.

TNB memberi keutamaan kepada pengurusan risiko dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan di semua peringkat dalam Syarikat secara menyeluruh. Peningkatan tahap pengurusan risiko TNB telah berjaya membentulkan persepsi para pengurusan terhadap portfolio pengurusan risiko TNB.

Dasar-dasar korporat mengenai Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar telah dikaji semula. Langkah mengemaskinikan dasar-dasar itu diperkenalkan sebagai sebahagian daripada matlamat baru Syarikat agar para pengurusan lebih komited dalam melaksanakan tanggungjawab baru dalam aspek Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar.

Pada tahun laporan, Jabatan Komunikasi Korporat bertanggungjawab mengurus persepsi yang positif terhadap Kumpulan dan Syarikat. Peranan utama yang strategik ini adalah sejajar dengan keperluan sebuah syarikat perniagaan besar seperti TNB, apalah lagi dalam keadaan penyuzuan semula korporat semasa untuk meningkatkan prestasi perniagaan.

Pada tahun laporan, Perkhidmatan Korporat juga menyediakan khidmat nasihat perundungan kepada Kumpulan dan Syarikat, dan terlibat secara aktif dalam rundingan dan penyediaan perjanjian serta dokumen-dokumen lain melalui Hal Ehwal Undang-undang.

Program Pembangunan Usahawan telah dilaksana dan dipertingkatkan dengan menggunakan kapakaran dan teknologi tempatan selaras dengan Dassar Pembangunan Negara melalui Unit Pembangunan Usahawan.

Tugas-tugas perolehan tanah, pengurusan harta tanah dan senggaraan aset adalah fungsi sokongan utama. Selain itu, Perkhidmatan Korporat juga menjalankan urusan permohonan tanah yang termasuk pengurusan izin-lulu bagi talian penghantaran dan mendapatkan kelulusan bagi pembinaan dan pembelian harta tanah yang diperlukan untuk kegunaan TNB.

Perkhidmatan korporat juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan, harta dan anggota kerja Kumpulan dan Syarikat dengan menyediakan perkhidmatan keselamatan.

Bahagian Sumber Manusia Kumpulan

Pada tahun kewangan, penekanan utama telah diberi kepada sepele pembangunan sumber manusia dan pembangunan sistem pengurusan serta pemodenannya melalui pengurusan sumber manusia Kumpulan yang luas.

Oleh itu, siri-siri program pembangunan telah dianjurkan seperti kursus eksekutif pengurusan utiliti, seminar tentang penewastaan dan 'deregulation' serta reformasi pasaran. Bagi meningkat dan mengukuhkan lagi kemahiran individu untuk pembangunan kerjaya dan kenaikan pangkat, sejumlah 134 pambentahan pendidikan untuk peringkat diploma/ijazah/ijazah lanjutan/Ph.D telah dianugerahkan. Seramai 124 orang eksekutif telah menjalani Skim Latihan Eksekutif Baru (NETS) yang menyediakan mereka dengan segala pengetahuan dan keahlian yang membolehkan mereka supaya sentiasa bersedia untuk menjalankan semua tugas dan tanggungjawab sebaik sahaja dilanik ke portfolio baru di TNB.

Penyelarasaran dasar bagi beberapa buah syarikat subsidiari bermula pada tahun kewangan ini kerana ia adalah penting berdasarkan pengendalian operasi syarikat-syarikat subsidiari tersebut. Sumber Manusia Kumpulan sentiasa berperanan sebagai pembekal perkhidmatan sumber manusia dengan tujuan untuk meningkatkan nilai dan keberkesanannya pengurusan sumber manusia di semua jabatan dan syarikat subsidiari di dalam Kumpulan.

Fungsi-fungsi yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- Merumus dan menyusun strategi dasar;
- Audit dasar;
- Menyediakan perkhidmatan pengendalian kepada jabatan-jabatan di dalam Kumpulan dan syarikat subsidiari; dan
- Merumuskan rancangan-rancangan seterusnya dan rancangan induk pembangunan sumber manusia serta pelaksanaannya.

Strategi peningkatan yang berterusan terhadap prestasi semasa sistem pengurusan telah dijalankan bagi memastikan prestasi anggota kerja telah meningkat dan dikuatkan serta menepati matlamat dan objektif Syarikat.

Sistem sumber manusia dan maklumat penggajian bersepada telah dilaksanakan untuk menyokong pengurusan pentadbiran fungsi-fungsi sumber manusia dan akan terus meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan fungsi-fungsi ini dari masa ke masa. Kini, ia

menyediakan fungsi sumber manusia dan penggajian dalam talian yang mengikut masa sebenar kepada lebih 200 pengguna TNB di seluruh Semenanjung Malaysia.

Syarikat juga mengiktiraf peranan wakil-wakil kesatuan dan mengambilnya penyertaan mereka di dalam majlis/upacara resmi sebagai satu manifesto sokongan yang berterusan kepada pihak pengurusan ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang lebih harmoni dan sihat.

Kebajikan pekerja terus diberi tumpuan utama pada tahun ini. Peruntukan yang mencukupi disediakan bagi menawarkan pelbagai faedah seperti perubatan, perkhidmatan kaunseling dan pusat jagaan kanak-kanak.

Peruntukan terhadap kemudahan-kemudahan semasa seperti faedah percutian, kuarters syarikat dan pakaian seragam masih dikelakkan.

Pihak Syarikat turut menghargai kesetiaan anggota kerjanya yang tidak berbelah bagi. Pada tahun ini, sejumlah 1,765 anggota kerja telah menerima "Anugerah Perkhidmatan Selia" bagi jangka masa perkhidmatan 25/30/35 tahun.

Bahagian Usahaniaga

Bahagian Perancangan Korporat dan Usahaniaga kini telah disusun semula di bawah TNB dengan penubuhan dua Bahagian baru iaitu: Bahagian Usahaniaga dan Bahagian Perancangan Strategik & Pembangunan Korporat.

Bahagian Usahaniaga bertanggungjawab untuk menilai dan memajukan usahaniaga yang baru di peringkat domestik dan antarabangsa serta memantau, menyelaras dan mengaudit kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersatu TNB.

Bahagian Usahaniaga telah disusun semula untuk mengurus:

- Aset dan Pengurusan Portfolio; dengan memantau, menyelaras dan mengaudit prestasi perniagaan syarikat-syarikat subsidiari. Ini boleh dilakukan dengan melaksanakan dasar-dasar strategi yang berdayamaju dan Urustadbir Korporat yang terbaik;
- Khidmat nasihat Korporat; dengan menguruzkan aktiviti-aktiviti penggalungan dan pengambilan ekuiti; dan
- Penilaian dan Perancangan; dengan mengkaji semula, menilai dayamaju dan menilai usahaniaga dan projek baru di peringkat domestik dan antarabangsa.

Bahagian Usahaniaga kini sedang menilai dan menggalakkan peluang-peluang perniagaan yang berkaitan dengan pilihan tenaga bolehbaharu seperti perijinan-bersama daripada 'biomaze fuel' dan 'landfill gas', fotovoltaik dan perniagaan berhubung tenaga suria. Ini sejajar dengan dasar 5-bahan api yang dicadangkan oleh Kerajaan.

Bahagian Usahaniaga juga menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan perancangan, pernilaihan dan pembangunan projek kepada syarikat-syarikat subsidiari TNB. Ini termasuklah penilaian dan penyediaan kertas cadangan projek, perancangan penjanaan, latihan dan kajian tarif.

Bahagian Perancangan Strategik dan Pembangunan Korporat

Bahagian ini telah ditubuhkan dengan rasminya pada 15 Mei 1999. Fungsi-fungsinya merangkumi Perancangan Korporat & Strategi, Pengurusan Strategik & Penyelaras, Pembangunan Korporat, Pengurusan Aset Penjanaan, Perkhidmatan Maklumat dan Sekretariat Kualiti Korporat.

Fungsi-fungei di atas yang sebelum ini dipertanggungjawabkan kepada Bahagian-bahagian tertentu dalam organisasi, kini telah digabungkan di bawah Bahagian baru ini. Tugas utama Bahagian ini termasuklah menguruskan perubahan perspektif TNB dan secara amnya merumus strategi dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

Memandangkan kepentingan Teknologi Maklumat (IT) dan Sistem Maklumat (IS) dalam meningkatkan operasi dan prestasi perniagaan, Bahagian ini juga telah menganjurkan beberapa perbincangan, forum dan wakytop IT. Ia bertujuan untuk merangka dasar korporat IT supaya dapat dijadikan panduan bagi memperkembangkan lagi sistem IT di dalam Kumpulan.

Sekretariat Kualiti telah menganjurkan dengan jayanya Konvensyen Kualiti dengan objektif untuk menyediakan peluang-peluang kepada Pasukan Peningkatan Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti (QCS-IT) demi berkongsi pengalaman dalam aspek peningkatan kualiti. Unit ini juga membantu projek Pusat Kebermerlangan di Daerah Melaka dengan objektif untuk menerapkan konsep Pengurusan Kualiti Bersepadu (TQM).

Bahagian ini juga terlibat secara langsung dalam penjualan Stesen Janaelektrik Melaka yang telah diselesaikan dengan jayanya melalui penjualan ekuiti Stesen Janaelektrik Melaka pada harga RM740 juta. Melalui Jabatan Perkhidmatan Maklumat, Bahagian telah melaksanakan Sistem Pengelibaran Setempat untuk Sabah Electricity Bdn Bhd. Bahagian juga terus melaksanakan usaha-usaha perubahan yang perlu untuk merealisasikan visi dan misi Kumpulan.

Jabatan Audit Korporat

Fungsi utama Jabatan Audit Korporat ialah untuk membantu Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan kewajipannya dan pada masa yang sama menyediakan perkhidmatan sokongan kepada Kumpulan Syarikat TNB dengan melaksanakan pengauditan yang berkesan.

Pada tahun kewangan 1998/99 Jabatan Audit Korporat telah menyiapkan kerja-kerja pengauditan semua syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan TNB. Ia merangkumi pengauditan operasi dan

kewangan, pengauditan IT, pengauditan tender dan kontrak, pengauditan prestasi peralatan dan pengauditan pematuhan Y2K. Peluang-peluang untuk memperbaiki prestasi dan meningkatkan kawalan telah dikenalpasti dan dipersetujui. Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan pada tahun laporan mendapati bahawa asas utama yang berpotensi untuk menambah nilai kepada perniagaan ialah dengan mempertingkatkan pemikiran dan dayasaing pengurusan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi di kalangan pengurus.

Terdapat keperluan yang berterusan untuk meneliti objektif dan mekanisme kawalan perniagaan dengan mengambilira pelbagai risiko terkini dalam konteks perniagaan yang dinamik. Pendekatan sedemikian berupaya menjadikan perniagaan lebih berdayamaju dan berdayatahan pada masa hadapan. Sejakar dengan itu, Jabatan Audit Korporat sedang mengendalikan program "Control Self-Assessment" di TNB Distribution Sdn Bhd. Tujuan utama program ini adalah bagi membolehkan pengurus dan anggota kerja di peringkat operasi menilai sistem kawalan untuk mengetahui objektif dan risiko yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

Cabarannya cabaran masa hadapan Jabatan Audit Korporat ialah untuk sentiasa memenuhi permintaan persekitaran perniagaan yang dinamik bagi memastikan keberkesanan audit. Adalah penting bagi Jabatan Audit Korporat untuk terus memantau dan menilai keberkesanan sistem kawalan dalam demikian mencapai urustadbir korporat yang terbaik.

Bahagian Pengurusan Sistem Grid

Tanggungjawab utama Bahagian Pengurusan Sistem Grid (BPSG) ialah untuk merancang pembangunan dan operasi Sistem Grid bagi memastikan sistem bekalan elektrik yang selamat, mencukupi, berdayaharap dan terjamin.

Aktiviti-aktiviti utama Bahagian ini merangkumi perancangan pembangunan penjanaan dan penghantaran, perancangan operasi dan pengeluaran dan penyelesaian jualbeli tenaga dengan IPP.

Jabatan Perancangan dan Pembangunan Sistem menyediakan ramalan permintaan kuasa elektrik peringkat nasional, merancang pembangunan penjanaan, membuat kajian campuran bahan api dan kajian-kajian teknikal berkaitan dengan sistem penghantaran dan penjanaan bagi jangka masa sederhana dan panjang. Jabatan ini juga menjalankan kajian kemungkinan bagi sambungtara dengan utiliti-utiliti lain dan projek-projek khas bagi pembangunan penghantaran dan penjanaan.

Jabatan Perancangan Operasi dan Pengeluaran menyediakan rancangan operasi harian untuk dilaksanakan oleh pengendalian sistem di Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC). Ini termasuk penjadualan penjanaan, pengurusan hentitugas dan mulatugas peralatan penghantaran baru. Operasi sebenar adalah diaudit secara harian oleh Unit Audit Prestasi Sistem bersama dengan NLDC dan perancangan Operasi dan Pengeluaran.

Bagi Unit Komersil, tanggungjawab utamanya ialah bagi mengendalikan operasi dan penyelesaian pembelian tenaga dari IPP. Pengurusan dua fungsi ini adalah berpandukan kepada Perjanjian Pembelian Tenaga dengan IPP, berkaitan dengan hentitugas, jadual penjanaan, bahan api, kadar komersil dan isu-isu lain. Unit ini juga turut memainkan peranan dalam perundingan dan operasi IPP yang baru dan penjualan loji-loji janaelektrik TNB.

Yayasan Tenaga Nasional

Yayasan Tenaga Nasional telah ditubuhkan oleh TNB sebagai satu usaha untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

Yayasan ini bertujuan untuk meningkatkan sumber intelektual dan menyediakan tenaga kerja mahir sejarah dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara perindustrian.

Pada tahun laporan, Yayasan Tenaga Nasional telah menganugerahkan sebanyak 103 biasiswa kepada para pelajar di UNITEN, universiti-universiti terkemuka tempatan dan luar negara. Satu dana khas iaitu Bantuan Pinjaman Pendidikan (BPP) telah ditubuhkan untuk para pelajar yang memerlukan. Dana ini hanya terbuka untuk pengajian di universiti-universiti tempatan sahaja bagi mengantikan skim pinjaman boleh ubah. Sebanyak 293 tempat telah diperuntukkan bagi dana amanah ini.

Walaupun biasiswa ini mengutamakan para pelajar di UNITEN dan di institut-institut pengajian tinggi tempatan, Yayasan masih menyediakan sejumlah kecil biasiswa di bawah program pembelajaran di beberapa universiti terkemuka di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun. Bagaimanapun, para pelajar mestilah menjalani program 'A-Level' atau program asas di dalam negeri. Biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke luar negara bergantung kepada kejayaan mereka mendapat tempat di universiti-universiti terkemuka di sana.

SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI

TNB Generation Sdn Bhd (386991-W)

TNB Generation Sdn Bhd (TNBG) yang mula beroperasi pada 1 September 1997 bagi menguruskan operasi dan penyenggaraan sebelas stesen janaelektrik TNB mempunyai kepakaran teknikal dengan kelebihan menggunakan teknologi penjanaan tenaga termaju dunia.

Dengan keupayaan penjanaan semasa yang melebihi 7500 MW, ia adalah penjana elektrik terbesar di Malaysia. TNBG mempunyai dasar strategi empat bahan api yang membolehkan pilihan bahan bakar yang menghasilkan peningkatan ketara dalam dayaharap penjanaan dan kecekapan kos.

Bagi tahun kewangan 1999, statistik prestasi stesen-stesen adalah seperti berikut:

• Penjualan Tenaga Elektrik	82,773.43 GWj
• Stesen Haba Tersedia	96.90 peratus
• Stesen Hidro Tersedia	90.20 peratus
• Jumlah Stesen Tersedia	87.70 peratus
• Keberkesanannya Habs	83.92 peratus

Pada 9 Ogos 1999, permintaan puncak sebanyak 3,724.2 MW telah dicatatkan, menunjukkan peningkatan 2.99 peratus berbanding permintaan puncak 3,470.4 MW pada tahun lepas.

Menjelang akhir tahun kewangan pada 31 Ogos 1999, campuran pasangan mengikut keupayaan adalah:

Jenis Loji	Keupayaan Pasangan	Peratus
Kitar Padu	1,557 MW	20.73
Haba Lazim (Minyak/Gas)	1,751 MW	23.82
Haba Lazim (Arang Batu)	600 MW	7.99
Turbin Gas	1,729 MW	23.01
Hidro	1,873.5 MW	24.95
Jumlah	7,509.5 MW	100.00

Pada tahun kewangan 1999, 2 X 500 MW loji tenaga arang batu di Stesen Janaelektrik Kapar menjalani ujian mulatugas dan Unit kelima dijangka akan disegerakkan dan akan mencapai tahap beban komersil pada akhir tahun ini. Pemindahan Turbin Gas 110 MW Frem 9 dari Stesen Janaelektrik Pasir Gudang ke Stesen Janaelektrik Gelugor adalah bertujuan untuk mengukuh dan meningkatkan bekalan tenaga di Pulau Pinang.

Dalam wawasannya untuk membekalkan keupayaan penjanaan tenaga yang lebih besar untuk Malaysia dan luar negara, TNB mengambil langkah berhati-hati dalam memelihara alam sekitar. Justeru, TNB telah melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) untuk memastikan ia sentiasa:

- Mematuhi undang-undang berkanun;
- Pengawasan effluen dan sisa yang cekap;
- Perancangan respon kecemasan yang berkesan;
- Program latihan yang terbaik;

TNB Transmission Network Sdn Bhd (386970-M)

TNB Transmission Network Sdn Bhd (TNBT) yang merupakan Bahagian Penghantaran TNB telah mula beroperasi pada 1 September 1999. TNBT adalah pembekal perkhidmatan rangkaian penghantaran untuk Semenanjung Malaysia. Dengan pengalaman yang luar, TNBT cukup bersedia untuk menghantar kuasa pulak berkualiti ke seluruh negara di samping menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kejuruteraan yang berkaitan kepada sektor-sektor perniagaan.

TNBT telah membangunkan sistem grid yang kukuh yang mampu menyokong prasarana bekalan elektrik negara. Ia merangkumi talian dan pencawang yang berupaya menghantar kuasa pulak sehingga 500 kV. Syarikat ini juga mempunyai pakar-pakar perkhidmatan kejuruteraan dalam bidang Pemantauan Keadaan, Senggaraan Loji Elektrik dan Perkhidmatan Perlindungan dan Telekomunikasi. Hubungan Syarikat dengan Singapore Power Grid dan Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT) telah menguluhkan lagi sistem grid.

TNBT memberi impuan kepada dayaharap, kualiti dan keselamatan dalam perkhidmatannya. Ilizamnya ke arah kecemerlangan disokong oleh kepakaran teknikal yang tiada saingen dalam bidang Senggaraan Penghantaran, Perlindungan dan Telekomunikasi. Pengguna-pengguna TNBT menikmati faedah daripada pengalaman luas Syarikat dalam pengurusan rekabentuk dan senggaraan pengurusan voltan tinggi (HV) dan peralatan penghantaran voltan tinggi ekstra (EHV).

TNBT memberi keutamaan dalam memastikan keupayaan teknikal dan profesionalisme anggota kerjanya. Syarikat telah banyak melabur dalam aspek latihan dan pembangunan di samping meningkatkan proses perniagaan bagi membantu mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk para pengguna.

TNB Distribution Sdn Bhd (386965-A)

Pada 1 September 1999, TNB Distribution Sdn Bhd (TNBD) mula beroperasi sebagai sebuah syarikat subsidiari milik penuh TNB. Sebelum itu, beberapa usaha telah dijalankan bagi memastikan transformasi daripada Jabatan Perkhidmatan Pengguna adalah seiring dengan penyusunan semula TNB dan Industri Bekalan Elektrik Malaysia (MESI). Peranan TNBD ialah untuk menjual kuasa dan menyediakan perkhidmatan berkaitan kepada pengguna-pengguna TNB.

Untuk mengoptimalkan hasil dan menyelesaikan kechoman bagi meningkatkan produktiviti, empat wilayah francis iaitu Utara, Selatan, Metro dan Timur telah ditubuhkan dan masing-masing diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi/ Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna).

Perubahan ini juga melibatkan pengujuran tiga bahagian utama iaitu Bahagian Perkhidmatan Rangkaian yang diketuai oleh Ketua Jurutera, Bahagian Perkhidmatan Pengguna yang diketuai oleh Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna) dan Bahagian Perkhidmatan Sokongan yang diketuai oleh Ketua Pembangunan Bisnes.


Pada 1998/99, pelbagai langkah teknikal telah dilaksanakan untuk membantu daerah-daerah dan wilayah-wilayah TNB merumuskan strategi (OPSJADI 1 & 2) di bawah Program Pengurangan Gangguan dengan menganalisa data insiden-insiden putus bekalan, mengenali pasti punca gangguan, menjalankan kajian-kajian yang berdedikasi, menganjurkan kumpulan-kumpulan kerja dan menyediakan panduan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan tersebut.



Juruteknik TNB sedang berkerja dalam suasana "keharmonian dengan alam semulajadi".



Persembahan cahaya yang sungguh mempesonakan di The Mines Resort City, Kuala Lumpur.



Pasukan-2 QCS-IT daripada Bahagian Perkhidmatan Pengguna Batu Caves adalah pasukan QCS-IT pertama dipilih sebagai Juara Sektor Perkhidmatan dan Juara Keseluruhan daripada 106 buah pasukan QCC di seluruh negara yang mengambil bahagian dalam Konvensyen QCC Negara anjuran Pusat Daya Pengeluaran Negara. Pasukan-2 QCS-IT juga telah muncul sebagai Juara Pembuatan dan Juara Sektor Elektrikal dan Eletronik. Sebagai Juara Keseluruhan, pasukan-2 telah memenangi Piala Pusingan Data' Sri Rafidah Aziz untuk bulan Oktober 1998. Pasukan ini telah dipilih untuk menghadiri 1999 International Convention on Quality Control Circles (ICQCC'99) yang telah diadakan di Manila, Filipina pada 18 Oktober 1999.

Antara Jun dan September 1999, TNB telah menganjurkan beberapa periemuan dengan Pemimpin-pemimpin Industri yang diberi tahu oleh Pengurus Eksekutif & Presiden TNB. Objektifnya ialah untuk menggerakkan perhubungan antara pihak pengurusan kanan TNB dengan pemimpin-pemimpin industri di Semenanjung Malaysia dan dalam maa yang sama memaklumkan kepada mereka perkembangan terbaru yang berlaku di TNB serta mendapatkan maklumbalas daripada Pengguna-pengguna Kuasa Besar (LPC) mengenai perkhidmatan TNB demi meningkatkan lagi tahap perkhidmatan pengguna.

Sabah Electricity Sdn Bhd (462872-W)

Sejak diwastakan pada 1 September 1992, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) telah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta mengurangkan bilangan dan tempoh kerosakan.

Sejak Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar di Sabah secara intensif melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia. Tiga jenis sistem telah digunakan, iaitu:

- Bekalan 24 jam melalui sistem rangkaian pembahagian SESB
- Bekalan 24 jam dari sistem solar bebas atau Bateri Diesel Hibrid
- Bekalan 12 jam dari stesen diesel luar bandar

Pada tahun laporan, SESB telah memanjangkan sistem pembahagiannya untuk merangkumi 66 buah kampung yang melibatkan 2,310 buah rumah dengan peruntukan sebanyak RM17.3 juta di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Sebahagian besar daripada rangkaian pembahagian SESB menggunakan kabel atas dan ueaha-ueaha telah dijalankan bagi mengurangkan kerrosakan di sektor ini. 'Tree Guard Overhead Line Conductor Protection' digunakan secara meluas untuk mengatasi masalah ini. SESB mengoptimalkan penggunaan suis voltan rendah sebagai suis kawalan bagi kabel atas voltan rendah di kawasan-kawasan luar bandar.

Sistem pengurusan pengguna yang dikenali sebagai 'Customer Care and Management System (CCMS)' dihubungkan terus dengan sistem "Hand Held Terminal (HHT)" yang digunakan oleh SESB untuk pembacaan jangka meter dan pencetakan bil elektrik pengguna.

CCMS juga dihubungkan terus dengan sistem pungutan pembayaran yang menggunakan 'Mesin Penerimaan Tunai RM20' bagi mengemaskinikan akaun pelanggan dan menyalaskannya dengan lejar-lejar SESB. Sistem ini menyediakan laporan yang lengkap dan membolehkan pemindahan data pembayaran secara elektronik untuk tujuan mengemaskinikan akaun-akaun pengguna. Pada Jun 1999, sistem ini telah digunakan di seluruh negeri Sabah.

SESB telah melaksanakan projek-projek berikut secara pasangsiap:

- Projek bernilai RM1.6 juta untuk Stesen Tambunian yang merangkumi kerja-kerja pemasangan dan pemulatugasan Jenera Penjanaan Diesel 1 x (600-650 kW) serta pembesaran stesen Janakuasa dan lain-lain kerja awam mengikut jadual.
- Projek bernilai RM4.5 juta untuk Stesen Janakuasa Kota Marudu yang merangkumi kerja-kerja pemasangan dan pemulatugasan Jenera Penjanaan Diesel 1 x (1000-1200 kW).
- Projek bernilai RM1,744,551.50 untuk Stesen Janakuasa Pitas yang merangkumi kerja-kerja pemasangan dan pemulatugasan Jenera Penjanaan Diesel 2 x (600-650 kW).

Dalam usaha untuk mempertingkatkan keupayaan sistem penghantaran, SESB telah melaksanakan beberapa projek penghantaran di seluruh negeri Sabah.

TNB Engineers Sdn Bhd (427038-I)

Pada tahun laporan, kegiatan TNB Engineers Sdn Bhd (TNBE) telah memberi tumpuan utama kepada projek-projek penting seperti Stesen Janaelektrik Sultan Salshuddin Abdul Aziz di Kapar, meningkatkan keupayaan Stesen Janaelektrik Gelugor, Projek Hidroelektrik Sungai Piah, Projek Pemulihian Chenderoh dan penubuhan Pusat Kawalan Kumpulan Bersia.

Ketika ini TNBE sedang melaksanakan pembangunan projek Sambungtara 300/600 MW TNB-EGAT 500kV HVDC sebagai Jurutera Perunding dan Pengurus Projek dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan kejuruteraan dan pengurusan projek. Apabila siap sepenuhnya pada Julai 2001, projek ini akan menjadi yang pertama seumpamanya di Malaysia dan Thailand yang menggunakan teknologi HVDC dalam bidang penghantaran tenaga. Sambungtara ini akan dilakukan di antara pencawang 500/275 kV Gurun di Malaysia dan pencawang 230 kV Ban Khlong Ngae di sebelah Thailand. Pada masa yang sama, TNBE juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan kejuruteraan dan pengurusan projek untuk Projek Grid Pantai Timur Sabah yang dijadualkan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2001.

TNBE juga berjaya menyiapkan beberapa buah kontrak besar pada tahun ini bagi projek-projek penghantaran dan pembahagian termasuk projek presarbs Putrajaya/Cyberjaya bernilai RM500 juta yang kini sedang berjalan mengikut perancangan.

Sehingga Ogos 1999, TNBE telah mencatat perolehan sebanyak RM73.9 juta berbanding dengan RM62.2 juta pada tahun lepas.

TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd (279964-A)

TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd (TNEC) memberi tumpuan utama kepada pembangunan projek di dalam sektor tenaga, kontrak pasangsiap dan perkhidmatan-perkhidmatan projek kepada TNB dan untuk pasaran luar.

Pada tahun laporan, TNEC telah dianugerahkan Projek Penempatan Semula Turbin Gas Gelugor dan Projek Pembinaan Pencawang GIS 132 kV oleh TNB. Kedua-dua projek ini merupakan sebahagian daripada Kerja-kerja Peningkatan Stesen Janaelektrik Gelugor TNB. TNEC juga telah dianugerahkan Kerja-kerja Pemulihan, Peningkatan dan Pembesaran Sistem Pengendalian Arang Batu Pakej 1 untuk Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar.

TNEC menggunakan segala pengalamannya dalam kontrak-kontrak pasangsiap bagi membangunkan projek-projek tenaga di luar negara, terutamanya di India dan Kemboja. Perundingan bagi projek-projek di kedua-dua buah negara ini berjalan lancar mendahului jadual dan TNEC menjangkakan akan berjaya memperolehi kontrak tersebut pada tahun hadapan. Ini adalah sejajar dengan strategi TNB untuk membangunkan TNEC menjadi sebuah Pusat Perdagangan bagi merebut peluang-peluang perniagaan di dalam pasaran terbuka.

TNEC juga terus menggalakkan Sistem Pendinginan Lingkungan (DCS) di Malaysia dan sedang berusaha gigih untuk mendapatkan beberapa projek yang berpotensi di dalam bidang ini.

Pada tahun kewangan, TNEC telah mencatat perolehan sebanyak RM122.3 juta dan keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.9 juta.

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (360318-P)

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (REMACO) telah diperbadankan pada September 1995 bagi menyediakan perkhidmatan senggaraan kos efektif dalam bidang pemasangan, senggaraan, kerja-kerja peningkatan dan pengujian penjana stesen janaelektrik, ujian perlindungan dan kapasiti berdayaharap. Hari ini, REMACO menyediakan rangkaian perkhidmatan yang lebih luas kepada operator bebas termasuklah penyenggaraan penjana berjadual, pengujian stesen janaelektrik, pemulihan komponen-komponen stesen janaelektrik dan pelbagai lagi. Salah satu contoh kepakaran mereka dalam pelbagai bidang ialah membekalkan penyelia-penyelia teknikal bagi menyelia pembukaan dan pemasangan semula rotor Siemens V94.2 untuk PLN Belawan di Medan, Indonesia. Baru-baru ini REMACO juga telah menyiapkan kerja-kerja rombakrawat utama bagi Unit No.1, Stesen Hidro Tenom-Pangi untuk Sabah Electricity Sdn Bhd. Satu lagi pencapaian yang membanggakan ialah apabila REMACO berjaya menyiapkan pemeriksaan pembakaran turbin gas GC Frem 5 untuk Stesen

Janaelektrik Genting Sanyen hanya dalam masa 24 jam walaupun tempoh masa yang diperlukan ialah 48 jam.

Pada tahun laporan, REMACO telah menjalankan beberapa pemeriksaan berjadual, kerja-kerja rombakrawat utama, pemasangan dan pemulaantugas, pengubahan, pemasangan semula dan penyenggaraan ke atas semua jenis turbin gas, penjana kuasa, enjin diesel, dandang, alatubah dan kelengkapan loji.

TNB Fuel Services Sdn Bhd (460430-K)

TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF) telah diperbadankan pada April 1998. Peranan utamanya ialah sebagai pembekal arang batu dan bahan api yang dilantik kepada TNB Generation Sdn Bhd (TNBG) dan Pengeluar Kuasa Bebas (IPPs) yang mempunyai Perjanjian Pembelian Kuasa dengan TNB.

TNBF berkeyakinan untuk menjadi peniaga dan pembekal perkhidmatan bahan api antarabangsa menjelang tahun 2003.

Wawasan TNB dalam memperbadankan TNBF mempunyai dua tujuan. Pertama, bagi memastikan hanya bahan api yang berkualiti dan berdayaharap diperolehi dan dihantar mengikut kos opsyenal. Kedua, menjamin keselamatan bekalan di samping memastikan penetapan harga bahan api dalam IPPs adalah telus kepada TNB.

Pada tahun laporan, TNBF telah mencatat perolehan sebanyak RM612 juta, dengan bekalan arang batu ke Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar sahaja berjumlah RM212.3 juta.

TNBF juga sedang dalam proses melaksanakan bekalan sulingan ke loji-loji janaelektrik TNB dan sedang menunggu tamatnya tempoh kontrak bekalan sulingan TNB yang sedia ada. TNBF juga telah melaksanakan usaha-usaha baru dalam lain-lain bentuk perniagaan yang berkaitan apabila TNB melantik TNBF sebagai pembekal perkhidmatan bagi Perkhidmatan Kad Petrol untuk kenderaan syarikat Kumpulan TNB.

TNB Metering Services Sdn Bhd (459682-K)

TNB Metering Services Sdn Bhd (TNBM) telah diperbadankan pada Mac 1998. Hasil daripada langkah penyusunan semula Bahagian Perkhidmatan Pengguna, TNBM hari ini beroperasi sebagai sebuah entiti bebas. Bidang perniagaan utamanya merangkumi pembekalan kemudahan perjangkaan kepada TNB, syarikat-syarikat subsidiarinya dan industri tenaga swasta - contohnya ialah membekalkan perkhidmatan perjangkaan kepada pengedar-pengedar tenaga persendirian seperti Kulim HiTech Park.

TNBM diiktiraf oleh Jabatan Piawaian Malaysia. Tahun ini ia telah menikmati kejayaan dan peningkatan produktiviti dengan membekalkan perkhidmatan perjangkaan kepada Jabatan Pembahagian dan Penghantaran serta Jabatan Pengurusan Aset TNB.

TNEM telah mencatatkan peningkatan produktiviti 100 peratus dengan membekalkan 609,839 unit meter bagi tahun kewangan 1998/1999 berbanding 279,435 unit pada tahun kewangan sebelumnya.

TNB Workshop Services Sdn Bhd (459689-H)

TNB Workshop Services Sdn Bhd (TNBW) mula beroperasi pada 1 September, 1999. Usaha ini bertujuan untuk mengubah kedua-dua bengkel di Bangsar dan Malim Nawar yang sebelumnya adalah sebahagian daripada Jabatan Kejuruteraan di bawah Bahagian Perkhidmatan Pengguna menjadi sebuah operasi perniagaan yang lebih berdayauntung.

TNBW menyediakan perkhidmatan pembaikan dan rombakrawat utama bagi kenderaan-kenderaan konvensional dan hidrolik seperti kren penggerak, pelantar udara, gerabah mensra dan sebagainya. Syarikat juga mempunyai kepakaran untuk mengubah kenderaan konvensional menjadi kenderaan untuk kegunaan khas.

TNBW menjalankan perniagaan menyediakan bekalan tenaga sokongan melalui set penjana bergerak dan telah menandatangani perjanjian dengan TNB Distribution Sdn Bhd bagi membekalkan set penjana untuk operasi mereka di Kuala Lumpur dan Selangor. TNBW penuh keyakinan dengan matlamatnya untuk merangkumi seluruh Semenanjung. Untuk tujuan ini TNBW sedang berusaha memperkuatkan Syarikat dengan menambah 500 kW, 1000 kW dan 'prime movers'. Kini, cawangan-cawangan baru telah ditubuhkan di daerah Utara, Selatan dan Timur demi merealisasikan visi ini.

TNBW juga memiliki kepakaran yang diperlukan dan menawarkan rangkaian perkhidmatan yang komprehensif untuk kerja-kerja pembaikan, penyenggaraan dan pengujian alatubah dan 'On-Load-Tap-Changers' (OLTC). Mereka juga pakar dalam pemusngan semula gegelung transformer, motor dan penjana yang berkupsa sehingga 1000 kW.

Pada tahun laporan, TNBW telah memberi sumbangan besar kepada Kumpulan TNB berkaitan dengan penjimatatan kos dalam aspek-aspek berikut:

- Operasi bekalan kuasa sokongan bergerak untuk heritugas berjadual dan tidak berjadual;
- Kos perkhidmatan dan pembaikan yang standard bagi kenderaan-kenderaan komersil TNB;
- Pembaikan alatubah pembahagian dan tenaga.

TNBW kini sedang berusaha gigih untuk memperolehi ISO 9002 dan sedang dalam proses meningkatkan lagi sistem perkhidmatan dan kualiti keseluruhan.

TNB Properties Sdn Bhd (278082-U)

TNB Properties Sdn Bhd (TNBP) telah ditubuhkan untuk membangun, mengurus, mengenalpasti dan membangunkan semula

tanah-tanah TNB secara komersil. Ia juga menyediakan khidmat perundingan bagi kerja-kerja senibina, sivil, elektrikal dan kejuruteraan.

Pada tahun laporan, TNBP telah merasionalisasikan perniagaan dengan memberikan tumpuan terhadap pembangunan hartanah dan pembinaan. Lima perjanjian usahaniaga telah ditandatangani dengan pemaju-pemaju yang terkemuka di mana TNBP memiliki 40 peratus kepentingan dalam syarikat-syarikat tersebut bagi membangunkan tanah-tanah TNB di Jalan Yahaya Awal, Jalan Stulang Laut dan Pasir Gudang di Johor, Jalan Tun Ali di Melaka dan Jalan Kelang Lama di Kuala Lumpur.

Anggaran nilai pembangunan bagi projek-projek tersebut ialah RM2.9 bilion. TNBP dijangkakan akan mengambil usaha-usaha yang lebih agresif setelah mengenalpasti tanah-tanah untuk pembangunan semula lewat tahun ini.

Bagi tahun kewangan 1999, TNBP telah mencatatkan perolehan sebanyak RM6.7 juta dengan jumlah keuntungan selepas cukai sebanyak RM2.6 juta.

TNB Kekal Sdn Bhd (223333-T)

(dahulunya dikenali sebagai Teliti Kekal (M) Sdn Bhd)

Tujuan utama TNB Kekal Sdn Bhd (TNBK) adalah untuk memastikan penggunaan tanah dan bangunan kosong milik TNB digunakan secara sistematis untuk jangka pendek.

Tanah dan bangunan TNB yang tidak digunakan dipajakkan kepada pihak-pihak yang berminat atas dasar jangka pendek untuk membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan yang sesuai.

Dengan kegiatan-kegiatan ini, TNBK menjadi saluran untuk membantu TNB meningkatkan nilai asetnya di samping melindungi aset-aset tersebut daripada penyalahgunaan.

Tenaga Risk Management & Services Sdn Bhd (S10617-M)

Tenaga Risk Management & Services Sdn Bhd (TRMS) telah mengambil langkah berhati-hati dan berkesan dalam melindungi aset dan liabiliti Kumpulan TNB daripada terdedah kepada risiko. Tugas utamanya ialah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan insurans dan risiko kepada Kumpulan TNB dan syarikat-syarikat subsidiariannya.

Mulai September 1998, bidang profesional TRMS merangkumi pengurusan portfolio dalam bidang insurans operasi dan projek TNB. Ini mampu meningkatkan kemahiran insurans di kalangan syarikat-syarikat dalam Kumpulan TNB. TRMS juga telah menganjurkan seminar/perbincangan dengan TNB, syarikat-syarikat subsidiariannya dan rakan kongsi perniagaan bagi menyuarakan pelbagai maklumat dan pengetahuan tentang insurans.

TNB Logistics Sdn Bhd (377278-P)

TNB Logistik Sdn Bhd (TNBL) ditubuhkan untuk menyediakan sokongan rangkaian logistik dan perkhidmatan pengurusan logistik profesional kepada industri tenaga. Kelebihan TNBL berbanding dengan para pesaingnya ialah dari segi pengalaman dan keupayaan dalam industri kuasa dan tenaga, terutamanya yang melibatkan projek-projek berskala besar dan projek-projek pasangsiap. Syarikat yakin dengan kemahiran yang dimiliki ia berupaya menawarkan khidmatnasihat kepada Kumpulan TNB berhubung dengan pengangkutan yang lebih berkesan dari segi kos dan memberikan panduan dalam bidang marin dan pengangkutan insurans semasa projek sedang berjalan.

Baru-baru ini, TNBL juga terlibat dalam kerja-kerja pembaikan semula, pemulihan dan pembesaran Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar. Skop aktivitinya akan diperluaskan lagi dengan merangkumi operasi penyimpanan, penyewaan, pengagihan dan terminal.

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd (31108-W)

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd (MTM) telah ditubuhkan pada 1977 dan merupakan syarikat tempatan pertama yang mengeluarkan alatubah. Misi Syarikat ialah untuk turut sama menyumbang secara berkesan ke arah pembangunan sektor tenaga dengan mengguna dan melatih anggota kerjanya hingga ke tahap yang lebih kompetitif, supaya menggunakan kecekapan teknologi dan bahan-bahan bermutu tinggi bagi mengeluarkan produk-produk yang berkualiti dan berdayasaing.

Tindakan strategik menuju TNBL yang memulakan operasi pembuatannya pada Januari 1980 adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap sistem pembahagian elektrik TNB. MTM adalah sebuah syarikat usahaniaga antara TNB dan Kumpulan ABB.

MTM wajar diberi pujian kerana ia bukan sahaja merupakan kemudahan pembuatan setempat dengan keupayaan yang tinggi dalam merekabentuk, pembuatan dan pengujian, malah sistemnya yang berkualiti telah diiktiraf menepati ISO 9001: 1994.

MTM telah meluaskan lagi keupayaannya dengan mengeluarkan alatubah 11 kV hingga 33 kV dengan julat saiz daripada 25 kVA hingga 30 MVA dan kini sedang mengeluarkan alatubah 132 kV dengan julat saiz 15 MVA hingga 90 MVA.

Rangkaian produk dan perkhidmatan MTM telah diiktiraf dan diterima secara meluas oleh pengguna-pengguna di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Produk-produk ini juga dijual kepada kilang-kilang besar, syarikat-syarikat petroleum dan melengkapi projek-projek mega seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KL Sentral dan Cyberjaya.

Tenaga Switchgear Sdn Bhd (321326-M)

Tenaga Switchgear Sdn Bhd (TSG) bergiat dalam bidang pemasangan dan pembuatan berteknologi tinggi yang kos efektif bagi perkakasuis bervoltan tinggi bertebat gas (GIS) jenis 132kV dan 275 kV dan pemutus litar bertebat gas (GCB) untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

Kini, TSG juga telah mula bergiat dalam bidang pembuatan pemutus litar bervoltan tinggi. Ini merupakan peluasan semulajadi terhadap keupayaan semasa Syarikat yang telah terbukti dan sejajar dengan keperluan industri tenaga bervoltan tinggi. Sejak penubuhannya pada 1996, TSG telah berjaya mendapatkan kontrak-kontrak untuk membekalkan 165 unit GCB 132 kV, 8 unit GCB 275 kV, 56 ruang GIS 132 KV dan telah dianugerahkan tiga projek pasangsiap pencawang.

Baru-baru ini TSG telah mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada makmal ujian CESI yang berpusat di Milan. Pengiktirafan ini akan membantu jualan di peringkat antarabangsa di samping terus berusaha gigih untuk memperolehi sijil ISO 9002.

Bagi tahun kewangan 1999, TSG telah mencatatkan perolehan sebanyak RM19.3 juta dengan jumlah keuntungan selepas cukai sebanyak RM3.0 juta.

Tenaga Cable Industries Sdn Bhd (189423-D) (dahulunya dikenali sebagai Uniphone Cables Sdn Bhd)

Tenaga Cable Industries Sdn Bhd (TCISB) menjadi syarikat subsidiari TNB Ventures Sdn Bhd (TNBV) pada 10 Mei 1999. TCISB telah diperbadankan pada 15 November, 1957 sebagai sebuah syarikat pengeluar kabel pertama di Malaysia (ketika itu dikenali sebagai Malayan Cables Limited). TCISB pada prinsipnya terlibat dalam bidang pembuatan dan pembahagian rangkaian kabel tenaga yang luas yang merangkumi kabel bervoltan rendah dan sederhana (sehingga 66kV) XLPE (cross-linked polyethylene), pengalir aluminium diperteguh keluli dedahan atas, dawai bumi panduan optik (OPGW), aluminium dan rod aloi aluminium dan kabel besar bervoltan rendah.

Empat buah kilang milik TCISB terletak dengan strategik di kawasannya sendiri di Perusahaan Bandar Baru Bangi, Selangor iaitu Kilang Voltan Sederhana XLPE, Kilang Rod Aluminium, Kilang Pengalir OPGW dan Kilang Kabel Utama dengan keupayaan pengeluaran tahunan sebanyak 6,000 tan pengalir aluminium, 10,000 tan rod aluminium, 1,400 km pengalir OPGW dan 360 km kabel panduan. Pada masa ini Syarikat memiliki tenaga kerja berjumlah 365 orang termasuk profesional, pekerja mahir dan separuh mahir. Sebagai sebuah syarikat yang mendapat pengiktirafan ISO 9002 daripada Det Norske Veritas (DNV) of Rotterdam, TCISB sentiasa berusaha gigih untuk terus mengeluarkan rekabentuk produk yang cemerlang dan memenuhi piawaian antarabangsa.

Pengambilan akutti sebanyak 55.1 peratus TCISB melalui TNBV adalah sejajar dengan strategi TNB untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang terdapat di dalam bidang-bidang yang sinergistik. Dengan ini, TNB telah memiliki sebuah operasi pembuatan yang strategik untuk pengeluaran salah satu daripada bahan utama untuk kegunaanya sendiri. Malah, ia juga berupaya untuk mengawal kualiti dan bekalan serta memastikan harga pasaran yang lebih stabil dan kompetitif. Dengan bantuan teknikal dan kepakaran daripada Sumitomo Electric Industries Ltd of Japan, (SEI) yang juga merupakan rakan kongsi TCISB, TNB merancang untuk mempertingkatkan lagi keupayaan pengeluaran TCISB dalam bidang pengeluaran kabel tenaga berkuasa tinggi dan aksesori berkaitan yang sehingga hini belum pernah dikeluarkan di Malaysia. Usaha-hiaga ini akan mengukuhkan kedudukan TCISB sebagai perintis dalam bidang pengeluaran kabel di Malaysia.

Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (110667-W)

Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM) adalah sebuah syarikat usahaniaga antara TNB dan Frazer-Nash Research Ltd of Great Britain. Ia ditubuhkan oleh TNB sebagai satu usaha ke arah mempelbagaikan perniagaannya dalam bidang yang revolusioner iaitu pengeluaran kenderaan berkuasa elektrik.

Sebagai perintis di dalam industri kenderaan elektrik, kereta elektrik daripada POEM yang dinamakan 'Solar Baby' telah diterima dan digunakan sebagai kaedah pengangkutan rasmi di Sukan Komanwel XVI '98, Langkawi International Maritime Space Exhibition 1998, Grand Prix Motosikal dan Perseidangan APEC di Mines Resort City.

Di atas sambutan yang sungguh menggalakkan daripada masyarakat antarabangsa semasa berlangsungnya Sukan Komanwel XVI '98, 10 unit 'Solar Baby' telah dihantar ke Sydney pada Ogos 1999 untuk dinilai kesesuaianya bagi kegunaan Sukan Olimpik 2000 di Sydney, Australia. City Cab, Singapura juga telah menunjukkan minat yang mendalam dengan memesan dua unit 'Solar Baby' untuk ujian dan penilaian bagi memenuhi keperluan pengangkutan mereka yang semakin meningkat.

Para peminat go-kart juga telah memberi pujian kepada go-kart elektrik POEM semasa pameran yang telah dianjurkan di seluruh negara. Ciri-ciri utamanya yang meera alam mampbolehkan ia digunakan untuk aktiviti dalaman dan luaran. Go-kart elektrik POEM memperkenalkan keunikanya ketika mengambil bahagian dalam perlumbaan go-kart elektrik dalaman pertama di dunia di RGB

Megamall, Pulau Pinang. Satu lagi inovasi ialah 'Golf Buggy' daripada POEM yang telah menarik minat beberapa buah kelab golf dan pusat peranginan kerana ciri-cirinya yang lebih meera alam berbanding dengan buggy konvensional. POEM menjangkalkan akan mampu menembusi pasaran yang agak besar dalam bidang ini dan sentiasa berusaha gigih untuk mencapai matlamatnya sedikit mesej lagi.

TNB Research Sdn Bhd (259519-A)

(dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Research & Development Sdn Bhd)

Tenaga Research Sdn Bhd (TNBR) telah ditubuhkan pada tahun 1993. Perniagaan utamanya ialah untuk membekalkan perkhidmatan sokongan dalam tiga bidang khas kepada TNB iaitu penyelidikan dan pembangunan, jaminan kualiti, ujian makmal dan perundingan.

Pada tahun 1997, Lembaga Kemajuan Perindustrian Maysia (MIDA) telah memberikan status syarikat Penyelidikan dan Pembangunan kepada TNBR. Ini bermakna semua tajaan dan sumbangan daripada syarikat-syarikat yang digunakan untuk projek penyelidikan dan pembangunan melalui TNBR akan menikmati insentif cukai daripada Kerajaan.

TNBR akan terus berusaha gigih dan yakin untuk menjadi sebuah syarikat penyelidikan dan pembangunan terkemuka di rantau ini melalui penggunaan teknologi, sains dan inovasi.

Mas 1999 adalah sangat bermakna kepada TNBR apabila dianugerahkan sijil berprestij MS ISO 9001 dalam bidang pentadbiran dan pelaksanaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan. TNBR juga telah dilantik sebagai 'pemeriksa kualiti' bagi memastikan semua produk dan perkhidmatan TNB telah mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum dipasarkan.

Bagi tahun 1998/99, TNBR telah berjaya menyiapkan projek-projek berikut; Pemantauan Keadaan Energi Padu Berasaskan FC untuk Turbin Gas Stesen Janaelektrik Paku, Pembangunan Pangkalan Data Bahan, Program untuk Komponen Stesen Janaelektrik, Kajian Tekno-Ekonomi terhadap Peningkatan Turbin Slim 120MW bagi meningkatkan kecekapan kapasiti berkembar di Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Projek SCADA di Kajang, Penurjuk Kesilapan Jauh, Penggunaan Abu Arang Batu dan pembangunan Perakam Kilat Kos Rendah.

Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd (398494-K)

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan salah sebuah universiti swasta yang terawal di Malaysia. Ia dikendalikan oleh Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd. Penubuhan Universiti ini menggambarkan keazaman TNB sebagai warga korporat yang bertangungjawab untuk melatih rakyat Malaysia yang berkelayakan tinggi untuk alaf baru. Setakat 31 Ogos 1999, seramai 4,394 pelajar mengambil pelbagai jurusan peringkat ijazah dan diploma di UNITEN. Dengan jumlah penuntut yang semakin meningkat, UNITEN telah mencapai jumlah sasarnya lebih kurang 4,000 pelajar pada tahun 2000 dan 5,000 pelajar menjelang tahun 2005. Pembangunan pesat Universiti ini berpunca daripada kemelesetan ekonomi dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam industri pendidikan yang telah memberi peluang kepada UNITEN untuk kembali kepada perancangan asal dan mengambil kesempatan daripada senario ini.

Bahagian berikutnya pada tahun kewangan telah memperlihatkan kebanyakan kemudahan akademik dan lain-lain kemudahan berjaya disiapkan dan digunakan, mengikut kontrak Projek Pembinaan Fasa 2 UNITEN. Pihak Universiti kini mempunyai rangkaian kemudahan kampus yang komprehensif bagi memenuhi setiap keperluan pelajar, bukan sahaja untuk tujuan akademik dan penginapan malah turut merangkumi pelbagai kemudahan sukan dan rekreasi.




Kumpulan mahasiswa di kampus UNITEN.

TNB Janamanjung Sdn Bhd (398456-H)

TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNBJ) telah ditubuhkan pada 17 Ogos 1996 untuk pembinaan Loji Janaelektrik bernilai RM7 bilion di Manjung, Perak. Dengan keupayaan 2100 MW, loji tenaga arang batu ini telah benar-benar bersedia dan yakin untuk memenuhi permintaan elektrik negara yang semakin meningkat. Sebanyak 700 MW pertama dijadualkan siap untuk operasi komersil menjelang

tahun 2003 dan dua lagi unit berkuasa 700 MW setiap satu akan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Loji janaelektrik ini akan dihubungkan dengan Grid Nasional melalui talian penghanteran 500 kV daripada Ayer Tawar dan dijangka akan siap sepenuhnya sebelum tahun 2001. Seperti yang ditetapkan oleh Akta Kualiti Alam Sekitar, kajian EIA yang meliputi semua aspek berkaitan dengan loji tersebut telah dijalankan. Ia merangkumi kajian terhadap alam sekitar di sekeliling kawasan projek, penilaian ke atas kesan dan langkah-langkah mengatasinya, penilaian risiko dan bahaya, rancangan respons kecemasan dan rancangan pengurusan alam sekitar. Ini akan memastikan loji janaelektrik ini telah direkabentuk berdasarkan piawaian tertinggi dengan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan, sejajar dengan aspirasi kami untuk melaksanakan dasar 'Teknologi Yang Harmonis Dengan Alam Semulajadi.'



Impresi Pelukis - Stesen Janaelektrik TNB Janamanjung.

Liberty Power Limited

Liberty Power Limited (LPL) telah diperbadankan pada 21 Ogos 1995, di bawah undang-undang Pakistan bagi membina sebuah stesen janaelektrik di Daharki, Taluka Mirpur Mathelo, Daerah Ghotki, Sindh. Surat Sokongan (LOS) untuk Projek Liberty Power ini telah dikeluarkan oleh Kerajaan Pakistan (GOP) pada 17 Julai 1995, untuk kapasiti kasar 470 MW dalam dua fasa. Perjanjian Pelaksanaan (IA) dan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) untuk Fasa 1 bagi kapasiti kasar 235 MW (212 MW bersih) telah ditandatangani pada 22 dan 26 November 1995.

Loji janaelektrik gas Fasa 1 yang akan mula beroperasi secara komersil menjelang tahun 2000, akan dapat memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat di negara tersebut. Loji ini sedang menjalani 'ujian tanpa bahan api' dengan mendapat bekalan elektrik daripada grid 132 kV Water and Power Development Authority (WAPDA).

Manakala 'ujian dengan menggunakan bahan api' pula akan dijalankan dengan menggunakan diesel pada November 1999 dan Project Acceptable Completion (PAC) akan disiapkan sepenuhnya pada Mac 2000.



Menerangi industri rekreasi, hiburan dan pusat-pusat istirehat di Malaysia.



HUBUNGAN KOMUNITI

Pada hari ini, hubungan antara sebuah syarikat dan masyarakat setempat ataupun komunitinya adalah luas dan meliputi pelbagai ciri. Definisi komuniti oleh Tenaga Nasional Berhad telah menjadi begitu luas sampai menjangkau keluar dari persekitaran ibu pejabat di Kuala Lumpur hingga merangkumi ke semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Pendek kata, di mana sahaja ada bekalan elektrik, di situ juga terdapat Tenaga Nasional Berhad.

Pendirian kami selaku dermawan korporat telah berubah. Kini kami memiliki pelbagai peranan yang meliputi pemberian korporat, semangat sukarelawan di kalangan anggota kerja, sumbangan kebaikan, penajaan acara sukan, bantuan biasiswa dan sumbangan perikemanusiaan. Ini merupakan suatu usaha kami yang berterusan.

Amalan tradisi pemberian sumbangan yang dilaksanakan selama ini turut mengambil kira kepentingan pemegang saham yang bersepadan dengan strategi perhubungan komuniti korporat. Dalam konteks ini, terdapat tiga pihak yang mempunyai kepentingan utama, iaitu Syarikat, anggota kerja dan komuniti persekitaran - yang sama-sama

menentukan strategi penglibatan komuniti Syarikat. Walhasil, TNB memainkan peranan yang lebih meluas dalam perhubungan komuniti sekarang berbanding masa lalu. Pada hari ini, kami merumus dan menguruskan pelbagai program yang membantu menyelesaikan isu-isu utama dalam komuniti yang selaras dengan matlamat korporat.

Pada tahun laporan, TNB terus memainkan peranan utama sebagai warga korporat yang prihatin dengan melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Pelbagai bentuk sumbangan telah dihulurkan kepada individu-individu dan kumpulan yang memerlukan, badan kebajikan, institusi pendidikan, pemeliharaan alam sekitar dan tajaan aktiviti-aktiviti sukan.

Selain itu, TNB terus memberi sumbangan kepada aktiviti-aktiviti keugamaan di semua peringkat dalam bentuk derma dan lain-lain pemberian kepada institusi-institusi keugamaan yang telah dikenalpasti. TNB juga menyumbang kepada badan-badan kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia dan menjadi penaja untuk kempen "Formula Malaysia 1999".



30 anggota kerja Stesen Janaelektrik Sultan Ismail, Kuala Terengganu menderma darah ketika kempen derma darah yang dianjurkan baru-baru ini.



TNB bersama-sama dengan Mountain Bike Association Langkawi menghulurkan sumbangan untuk Tabung Tindakan Kosovo.



Tenaga Switchgear dan jawatankuasa Masjid Bandar Baru Sungai Buloh meraikan mereka yang kurang bernasib baik.



Kanak-kanak tadika melawat tempat kerja ibu-bapa mereka di Stesen Janaelektrik Bersia.



Perasmian Surau An-Nur di TNB.



Sempena sambutan Jubli Emas TNB, Pengurusi Eksekutif & Presiden menyampaikan cek kepada Dato' Azhar Mansor di atas kejayaan beliau menempa sejarah dalam pelayaran solonya mengelilingi dunia bersama Jalur Gemilang.

KALENDAR PERISTIWA KORPORAT

SEPTEMBER '98

'Sidang Video' bersama Perdana Menteri Malaysia,
YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad
di Hotel Palace of The Golden Horses
sempena pameran Multimedia Asia '98.



OCTOBER '98

TNB menyertai pameran Multimedia Asia '98
yang berlangsung di Mines Resort City Kuala Lumpur.



2-6


Pameran dan Persidangan CEPSI
(Conference on the Electric Power Supply Industry)
ke12 diadakan di Pattaya, Thailand.
Gerai TNB tetap menjadi tumpuan para peserta.



TNB Perlis menerima anugerah 'ISO 9002 Industry '98 SIRIM'
dari YB Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa
dan Industri.

DECEMBER '98

Hari keluarga TNB.





Mesyuarat Agung Tahunan TNB Kelapan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB.



Logo Ulang Tahun Jubli Emas TNB dilancarkan oleh Pengurus Eksekutif & Presiden dengan disaksikan oleh ketua-ketua jabatan TNB.

FEBRUARI '99



TNB Metering Services menerima Sijil ISO/IEC Guide 25 daripada Encik A Aziz Mat, Ketua Pengarah Jabatan Piawaian Malaysia.



Delegasi dari Kyushu Electric Power dan Nissho Iwai Corporation mengunjungi TNB.

1



Ceramah dan doa selamat sempena Jubli Emas TNB.

Pameran ELENEX Malaysia '99 dilancarkan oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Leo Moggie.



Bekalan elektrik 24 jam dilancarkan oleh DYMM Sultan Pahang untuk lapan buah perkampungan di sekitar Kuala Tahan, Pahang.

Seramai 1,000 pelajar baru UNITEN melakukan upacara lafaz ikrar untuk sesi akademik tahun 1999/2000.



Lawatan seramai 45 pelajar dari Universiti Reykjavik, Iceland, ke Ibu Pejabat TNB.

TNB meraih 'Anugerah Majikan Prihatin' sempena Perhimpunan Hari Pekerja 1999 yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek.



Majlis menandatangani persetujuan antara TNB dan TEPCO untuk menjalankan kajian bersama ke atas Rangkaian Penghantaran TNB.

25



JUN '99



Lawatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong di sekitar Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil dengan menaiki kereta elektrik "Eleksuria" yang dikeluarkan oleh POEM (syarikat subsidiari TNB).

8



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, memandu uji bot elektrik POEM dengan ditemani oleh Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali di Hotel Palace of the Golden Horses.



Pengerusi Eksekutif & Presiden TNB, Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, meraikan perjumpaan para pegawai tertinggi industri Bahagian Metro Wilayah di Kelab Golf Glenmarie.

17



TNB menjuarai Kontinjen Terbaik sektor swasta sempena perarakan Maulidur Rasul.

26

JULAI '99

Pengerusi Eksekutif & Presiden melawat Pencawang Masuk Utama di Bukit Kempas untuk meninjau masalah kecurian tenaga elektrik.



AGOS '99



Pengerusi Eksekutif & Presiden TNB menyaksikan dan menyertai latihan penyenggaraan talian penghantaran 500 kV.

5

Stesen Janaelektrik Tuanku Jaafar Port Dickson menerima Sijil ISO 14001 dari Ketua Eksekutif SIRIM Berhad, Dr Mohd Ariffin Aton di Hotel Regency.

6



ALAMAT-ALAMAT PENTING

Pejabat-pejabat Korporat

Pejabat Setiausaha Syarikat
 Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 5566
 Faksimili: 603 282 3686
 E-mel: fadilah@tnb.com.my

Bahagian Kewangan
 Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6610
 Faksimili: 603 282 7292
 E-mel: syedib@tnb.com.my

Bahagian Usahaniaga
 Tingkat 5, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6370
 Faksimili: 603 282 7290
 E-mel: pian@tnb.com.my

Bahagian Perancangan Strategik & Pembangunan Korporat
 Tingkat 6, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6462
 Faksimili: 603 282 4630
 E-mel: curinaca@tnb.com.my

Bahagian Perkhidmatan Korporat
 Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6749
 Faksimili: 603 282 6694
 E-mel: zaghlol@tnb.com.my

Bahagian Sumber Manusia Kumpulan
 Aras 1, Bangunan NLDC
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6659
 Faksimili: 603 282 7631
 E-mel: ehaledrus@tnb.com.my

Unit Perhubungan Pelabur
 Aras 2, Bangunan NLDC
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59100 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 6666/6146
 Faksimili: 603 282 0096
 E-mel: khairunnizam@tnb.com.my

Seksyen Pentadbiran Saham
 Aras 1, Bangunan Penjanaan
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 5566
 Faksimili: 603 282 5494
 E-mel: saham@tnb.com.my

Pejabat-pejabat Syarikat Subsidiari

TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (REMACO)
 Aras 8A, Menara PIJNS-PJ
 17 Jalan Yong Shook Lin
 46050 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 754 6108
 Faksimili: 603 754 6104
 E-mel: remaco@ppp.nationet.net

TNB Research Sdn Bhd (TNBR)
(dahulunya dikenali sebagai Tenaga Nasional Research & Development Sdn Bhd)
 Lot 559 & 1054, Jalan Air Hitam
 43000 Kajang
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 826 8818
 Faksimili: 603 826 8828
 E-mel: arif@masnei.com.my

TNB Properties Sdn Bhd (TNBP)
 Aras 3 & 4, Blok C (Tengah)
 Jalan Damansara
 Pusat Bandar Damansara
 Bukit Damaneera
 50490 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 255 6677
 Faksimili: 603 255 6759
 E-mel: inohammedzawawi@tnp.tnb.com.my

TNB Engineering and Consultancy Sdn Bhd (TNEC)
 1701, Aras 17, Blok B
 Menara Amcorp, 18 Persiaran Barat
 Jalan Sultan, 46000 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 758 2121
 Faksimili: 603 758 2626
 E-mel: muhayen@tnecc.tnb.com.my

Tenaga Risk Management & Services Sdn Bhd (TRMS)
 Unit No. E 3A-7
 Tingkat 3A, Megamall Phileo Promenade
 109, Jalan Tun Razak
 50400 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 2161 0122
 Faksimili: 603 2162 7387
 E-mel: trms@tnr.tnb.com.my

Tenaga Switchgear Sdn Bhd (TSG)
 Lot 40, Jalan 8/9A/2A Bukit Rahman Putra 47000 Sungai Buloh
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 657 8308
 Faksimili: 603 657 8366
 E-mel: jamal@pejaring.my

TNB Generation Sdn Bhd (TNBG)
 Aras 4, Bangunan Penjanaan
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 5557
 Faksimili: 603 282 1073
 E-mel: liadii@generation.tnb.com.my

TNB Janamajung Sdn Bhd (TNBJ)
 Aras 9B, Menara PIJNS-PJ 17
 Jalan Yong Shook Lin
 46050 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 468 1900
 Faksimili: 603 469 6900
 E-mel: marijung@tnbj.tnb.com.my

TNB Engineers Sdn Bhd (TNBE)
 Tingkat 2, Bangunan Penghanteran
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 285 5100
 Faksimili: 603 284 1250
 E-mel: sabariah@tnb.com.my

TNB Logistics Sdn Bhd (TNBL)
 Aras 4, Bangunan Crystal Plaza
 (Lobi 1), Jalan 51A/223
 46100 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 754 9791
 Faksimili: 603 754 9590
 E-mel: joharia@tnb.com.my

Universiti Tenaga Nasional Sdn Bhd (UNITEN)
 Jalan Kajang Puchong
 43009 Kajang, Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 826 2020
 Faksimili: 603 826 3507
 E-mel: tajul@uniten.edu.my

TNB Fuel Services Sdn Bhd (TNBF)
 Aras 4, Bangunan Crystal Plaza
 (Lobi 1), Jalan 51A/223
 46100 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 756 8349
 Faksimili: 603 756 9221
 E-mel: hcainal@fuel.tnb.com.my

Malaysia Transformer Manufacturing Sdn Bhd (MTM)
 Lot 22, Jalan AU 3/1
 Kawasan Perusahaan Ampang
 Ulu Kelang, 54200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 407 6233
 Faksimili: 603 407 1110
 E-mel: nasir@rntm.pn.my

TNB Workshop Services Sdn Bhd (TNBW)
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 282 3711
 Faksimili: 603 282 6322
 E-mel: aminan@esd.tnb.com.my

TNB Metering Services Sdn Bhd (TNBM)
 Aras 1, Bangunan Annex
 No. 3, Jalan 233
 46770 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 755 2121
 Faksimili: 603 746 6022
 E-mel: limig@csd.tnb.com.my

TNB Transmission Network Sdn Bhd (TNBT)
 Tingkat 3, Bangunan NLDC
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 285 6655
 Faksimili: 603 282 3657
 E-mel: shaleimz@tnb.com.my

TNB Distribution Sdn Bhd (TNBD)
 Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 285 6559/6635
 Faksimili: 603 284 5208
 E-mel: sidet@csd.tnb.com.my

Jabatan Pengurusan Busines (TNBD)
 Aras 3, Bangunan Penjanaan
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 285 5835
 Faksimili: 603 282 2497
 E-mel: nizarira@csd.tnb.com.my

TNB Kekal Sdn Bhd (TNBK)
(dahulunya dikenali sebagai Taliit Kekal (M) Sdn Bhd)
 1701, Aras 18, Blok B
 Menara Amcorp, 18 Persiaran Barat
 Jalan Sultan, 46000 Petaling Jaya
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 758 2121
 Faksimili: 603 758 2626
 E-mel: saminad-tbk@inec.com.my

Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB)
 Wisma SESB
 Jalan Tunku Abdul Rahman
 80073 Kota Kinabalu, Sabah
 Telefon: 6088 222 699
 Faksimili: 6088 223 520
 E-mel: myyurus@tm.net.my

Tenaga Cable Industries Sdn Bhd (TCISB)
(dahulunya dikenali sebagai Uniophone Cables Sdn Bhd)
 Lot 2, Jalan P/12, Seksyen 10
 Kawasan Perusahaan Bangi
 43650 Bandar Baru Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 892 2679
 Faksimili: 603 892 5911
 E-mel: syedk@tcisb.com.my

Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM)
 Lvl 24, Jalan UI/15, Seksyen U1
 Hicom Glenmarie Industrial Park
 40150 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan
 Telefon: 603 704 2266
 Faksimili: 603 704 7888

Sumber Hidro Management Sdn Bhd (SHM)
 Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat
 Tenaga Nasional Berhad
 129 Jalan Bangsar
 59200 Kuala Lumpur
 Telefon: 603 285 6233
 Faksimili: 603 287 0316
 E-mel: tajudina@tnb.com.my

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

ANALISIS PEGANGAN SAHAM SETAKAT 9 NOVEMBER 1999

Modal Saham

Modal Saham yang Dibenarkan	: 3,500,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan 1 (Satu) Saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tebus bernilai RM1.00 sesaham.
Modal Diterbitkan dan Dibayar Penuh	: 3,101,912,300 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan 1 (Satu) Saham Keutamaan Berhak Istimewa Boleh Tebus bernilai RM1.00 sesaham.
Hak Mengundi	: Satu hak mengundi untuk satu saham biasa.

ANALISIS PEGANGAN SAHAM MENGIKUT SAIZ SETAKAT 9 NOVEMBER 1999

Saiz Pegangan Saham	Pemegang Saham	Peratus	Pegangan	Peratus
1 - 499	261	0.60	31,032	0.00
500 - 5,000	38,500	33.69	64,906,428	2.10
5,001 - 10,000	2,351	5.41	18,111,254	0.58
10,001 - 100,000	1,687	3.89	53,769,849	1.73
100,001 - 1,000,000	489	1.13	164,438,953	5.30
Lebih daripada - 1,000,000	121	0.29	2,800,654,769	90.29
Jumlah Besar	43,409	100.00	3,101,912,300	100.00

PEGANGAN-PEMEGANG SAHAM UTAMA (2 PERATUS DAN LEBIH)

Bil.	Nama Pemegang Saham	Saham Dipegang	Peratus
1.	Khasanah Nasional Berhad	1,125,261,832	36.28
2.	Menteri Kewangan (Diperbadankan)	531,160,242	17.12
3.	Bank Negara Malaysia	352,468,000	11.86
4.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Skim Amanah Saham Bumiputera)	243,764,000	7.86
5.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	154,269,000	4.97
JUMLAH		2,406,852,571	77.59



SENARAI 20 PEMEGANG SAHAM TERBESAR SETAKAT 9 NOVEMBER 1999

Bil.	Nama Pemegang Saham	Saham Dipegang	Peratus
1.	Khazanah Nasional Berhad	1,125,231,828	36.28
2.	Ministeri Kewangan (Diperbadankan)	581,150,248	17.12
3.	Bank Negara Malaysia	352,488,000	11.36
4.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd <i>(Skim Amanah Saham Bumiputera)</i>	243,764,000	7.86
5.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	154,269,000	4.97
6.	Lembaga Tabung Haji	25,100,000	0.81
7.	Chase Malaysia Nominees (Asing) Sdn Bhd <i>(Abu Dhabi Investment Authority)</i>	24,727,000	0.80
8.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd <i>(Government of Singapore Investment Corporation Pte Ltd For Government of Singapore)</i>	23,179,000	0.75
9.	Bank Simpanan Nasional	22,010,000	0.71
10.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	16,417,000	0.53
11.	Chase Malaysia Nominees (Asing) Sdn Bhd <i>(Vanguard International Growth Portfolio)</i>	16,195,000	0.52
12.	Permodalan Nasional Berhad	14,026,000	0.45
13.	Universal Trustee (Malaysia) Berhad <i>(Amanah Saham Dana Pertama)</i>	11,606,000	0.37
14.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad <i>(Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (MLF))</i>	11,109,000	0.36
15.	Kumpulan Wang Amanah Pencen	10,902,000	0.35
16.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd <i>(Skim Amanah Saham Nasional)</i>	8,698,000	0.29
17.	Kerajaan Negeri Pahang	8,336,429	0.27
18.	Amanah Raya Berhad <i>(Kumpulan Wang Am)</i>	6,579,400	0.21
19.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd <i>(Government of Singapore Investment Corporation Pte Ltd For Monetary Authority of Singapore (H))</i>	6,499,000	0.21
20.	Chase Malaysia Nominees (Asing) Sdn Bhd <i>(Allied Dunbar Assurance Public Limited Company)</i>	5,148,000	0.17
JUMLAH		2,617,583,400	84.39

SENARAI HARTA

Penjanaan

Bentuk Aktiviti Fungsian	TANAH									BANGUNAN			PETERANGAN	
	Pegangan Pajakan			Milik Bebas			Jumlah Bilangan Lot	Jumlah Keluasan (MP)	Jumlah NBB (RM'000)	Bil.	Keluasan Binaan (MP)	Jumlah NBB (RM'000)		
	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)								
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(1+4)	(2+5)	(3+6)	(10)	(11)	(12)	(13)	
Lokasi														
Perlis	-	-	-	2	1,499	52	2	1,499	52	-	-	-	-	
Kedah	2	1,676	36	6	41,052	11,214	6	42,728	11,250	21	2,496	7,385	Bangunan	
P. Pinang	-	-	1	2	33,952	9,763	2	33,952	9,764	10	10,258	32,671	Pejabat,	
Perak	1	232	1,038	10	1,625,176	64,308	11	1,625,408	65,396	26	12,794	557,677	Stor, Jeti,	
Selangor	4	2,035,366	71,294	4	1,939,575	96,351	9	3,974,980	170,745	20	10,888	731,570	Stesen	
W. Persekutuan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
N. Sembilan	4	183,990	6,404	1	372	113	5	184,362	6,523	19	3,257	25,602	Janaelektrik,	
Melaka	(2)	(82)	(6,226)	1	575	(2,646)	(1)	493	(8,372)	(4)	(10,860)	(12,658)	Stesen	
Johor	3	229,763	19,521	2	26,764	3,854	5	266,527	23,675	24	9,850	90,438	Luarbandar,	
Pahang	48	235,356	713	58	109,069	651	108	344,455	1,564	137	2,607	91,048	Empangan	
Terengganu	45	229,366	26,198	48	29,817	5,401	98	268,208	33,589	66	12,216	635,189		
Kelantan	75	82,846	981	89	50,691	1,038	114	133,037	2,014	82	4,414	1,297,638	& Mini Hidro	
Jumlah	180	3,008,052	122,600	173	3,967,542	192,600	353	6,975,594	315,200	361	58,017	3,456,889		

Nota:

PENJANAAN

Elektrik dihasilkan melalui proses penukaran sumber tenaga lain kepada tenaga elektrik. Proses ini dikenali sebagai penjanaan dan biasanya dijalankan di stesen-stesen janaelektrik. Selain daripada itu, TNB juga mengendalikan sebilangan stesen mini hidro dan set penjanaan diesel.

Nota: NBB – Nilai Buku Bersih



Penghantaran

Bentuk Aktiviti Fungsian	TANAH									BANGUNAN			KETERANGAN	
	Pegangan Pajakan			Milik Bebas			Jumlah Bilangan Lot	Jumlah Keluasan (MF)	Jumlah NBB (RM'000)	Bil.	Keluasan Binaan (MP)	Jumlah NBB (RM'000)		
	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)								
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(1+4)	(2+5)	(3+6)	(10)	(11)	(12)	(13)	
Lokasi														
Perlis	4	110,024	1,140	2	15,860	474	6	125,884	1,614	8	3,145	2,479		
Kedah	12	125,631	3,055	5	324,913	1,675	17	450,544	4,730	32	7,554	85,080		
P. Pinang	15	1,313,552	5,260	7	112,803	7,749	22	1,426,385	13,009	15	2,748	17,764		
Perak	10	73,862	905	6	109,219	2,509	16	183,081	3,414	26	7,255	102,941		
Selangor	15	120,048	14,189	22	165,912	34,275	37	295,960	48,464	55	13,018	198,673		
W. Persekutuan	10	149,331	2,705	10	106,763	21,875	20	256,594	24,580	17	7,565	370,380	Pencawang-	
Wl. Sembilan	13	105,678	2,647	10	670,256	5,082	23	775,934	3,729	29	6,301	18,201	Pencawang	
Melaka	6	36,398	231	13	43,766	10,069	19	90,164	10,830	23	7,092	40,476	Alir Masuk:	
Johor	30	216,640	6,494	30	402,484	21,444	60	619,074	27,988	46	8,582	221,340	Utama	
Pahang	9	91,569	1,406	16	165,237	8,756	25	257,106	5,241	20	2,788	59,014		
Terengganu	4	52,069	1,222	2	120,684	2,417	6	172,708	3,639	18	3,419	18,596		
Kelantan	3	34,688	118	4	206,969	8,470	7	271,657	3,583	17	5,476	36,543		
Jumlah	131	2,430,290	40,446	127	2,474,766	114,815	258	4,905,056	155,261	305	75,443	1,175,187		

Nota:

PENGHANTARAN

Aktiviti penghantaran melibatkan proses penghantaran tenaga elektrik yang dijana di stesen-stesen janaelektrik ke pusat-pusat beban di mana ia diperlukan, misalnya di bandar, pusat perindustrian dan para pelanggan utama. Ia memerlukan taliyan rangkaian penghantaran yang membentuk Grid Nasional. Di beberapa tempat tertentu, pencawang penghantaran dibina bagi menyalurkan tenaga elektrik dari Grid Nasional ke beberapa pusat beban. Sistem penghantaran dikendali pada paras voltan 275KV, 132KV dan 66KV.

Pembahagian

Bentuk Aktiviti Fungsiyen	TANAH										BANGUNAN			KETERANGAN
	Pegangan Pajakan			Milik Bebas			Jumlah Bilangan Lot	Jumlah Keluasan (MP)	Jumlah NBB (RM'000)	Bil.	Keluasan Binaan (MP)	Jumlah NBB (RM'000)		
	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)	Bilangan Lot	Keluasan (MP)	NBB (RM'000)								
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)		
Lokasi														
Perlis	26	-	394	54	(34,752)	1,486	80	(34,752)	1,360	54	1,200	3,531		
Kedah	168	143,016	2,746	312	149,057	5,101	480	392,073	7,847	220	46,896	36,671		
P. Pinang	105	93,657	5,943	297	114,297	23,097	402	302,054	38,940	150	10,169	13,210		
Perak	530	388,050	9,857	218	131,514	5,501	748	514,564	14,853	246	11,580	37,918		
Selangor	411	139,542	43,766	495	472,419	68,173	906	672,967	111,944	698	122,303	24,472		
W. Persekutuan	163	97,300	27,038	126	155,375	95,066	296	252,575	122,104	226	15,634	69,140	Pencawang-Pencawang	
N. Sembilan	234	110,602	3,524	145	38,551	2,629	879	149,188	6,152	122	6,802	5,569		
Melaka	207	61,259	4,866	282	87,986	22,003	439	146,725	26,869	156	6,136	2,615		
Johor	636	406,507	29,959	637	359,282	54,611	1,273	955,789	64,670	495	19,739	40,084		
Pahang	198	109,461	8,773	181	143,823	5,681	879	252,784	9,404	152	9,682	34,326		
Terengganu	173	602,449	5,457	96	30,915	1,121	259	633,368	6,578	117	4,508	16,935		
Kelantan	164	268,245	5,310	155	95,076	4,819	819	368,321	10,129	141	66,962	4,237		
Jumlah	3,015	2,530,193	142,033	2,935	1,773,423	269,242	5,950	4,303,616	411,275	2,787	327,086	357,758		

Nota:

PEMBAHAGIAN

Sistem pembahagian bermula di hujung talian penghantaran di mana pencawang pembahagian merendahkan paras voltan bagi membolehkan tenaga elektrik dibekalkan kepada para pelanggan TNB. Sistem pembahagian ini meliputi pencawang pembahagian, talian atas dan kabel bawah tanah pada paras voltan 33 kV dan ke bawah.



Kediaman dan Lain-lain

Bentuk Aktiviti Fungsian	TANAH									BANGUNAN			KETERANGAN	
	Pegangan Fejsakan			Milik Bebas			Jumlah Bilangan Lot	Jumlah Keluasan (MF)	Jumlah NBB (RM'000)	Bil.	Keluasan Binaan (MF)	Jumlah NBB (RM'000)		
	Bilangan Lot	Keluasan (MF)	NBB (RM'000)	Bilangan Lot	Keluasan (MF)	NBB (RM'000)								
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(10)	(11)	(12)	(13)		
Lokasi														
Perlis	1	1,087	364	6	50,816	1,987	7	51,653	2,871	12	6,116	7,351		
Kedah	5	43,953	2,969	29	259,202	22,711	34	303,185	25,680	41	38,722	17,647		
R. Pinang	7	26,724	1,438	24	873,588	70,019	31	400,812	71,457	46	13,836	20,060		
Perak	36	78,085	2,254	53	1,074,710	114,079	59	1,150,795	117,333	73	23,965	34,456	Rumah Kediaman,	
Selangor	27	602,194	89,780	44	338,559	68,962	71	940,753	153,745	95	19,755	608,306	Pangsapuri,	
W. Persekutuan	3	18,757	6,394	13	82,136	162,057	16	100,303	171,451	89	92,462	42,340	Rumah	
N. Sembilan	10	115,329	1,991	28	359,906	29,514	38	473,235	31,505	66	13,644	25,656	Peranginan,	
Melaka	4	99,097	9,981	20	142,338	9,562	24	241,385	19,568	29	28,635	9,216	Bangunan	
Johor	23	324,439	19,922	49	773,737	53,662	72	1,158,176	72,484	88	64,441	44,842	Pejabat,	
Palang	26	542,266	8,123	19	120,237	7,814	45	662,498	15,437	30	76,435	21,722	Stor utama & Gudang	
Terengganu	25	3,306,420	35,090	2	1,877	851	27	3,308,297	35,941	51	47,304	78,262		
Kelantan	11	229,363	2,195	17	86,747	5,304	29	316,610	7,999	52	16,037	42,436		
United Kingdom*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	4	887	2,271		
Jumlah	178	5,446,184	183,421	304	3,663,793	542,543	482	9,109,977	725,964	726	441,939	966,566		

Nota:

KEDIAMAN DAN LAIN LAIN

'Hartanah Kediaman' meliputi huarters anggota kerja, pangsapuri dan rumah peranginan. "Lain-lain" meliputi bangunan pejabat dan stor/gudang utama.

*Terdiri daripada 4 unit rumah pangsa.



PENYATA KEWANGAN

KANDUNGAN

1-6	LAPORAN PENGARAH Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 1999
7	AKAUN UNTUNG RUGI Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 1999
8	KUNCI KIRA-KIRA Pada 31 Ogos 1999
9-11	PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 1999
12-49	NOTA-NOTA KEPADA AKAUN 31 Ogos 1999
- 50	KENYATAAN PENGARAH-PENGARAH Menurut Seksyen 169 (15) Akta Syarikat, 1965
- 51	AKUAN BERKANUN
- 52	LAPORAN JURUAUDIT KEPADAA AHLI-AHLI TENAGA NASIONAL BERHAD
	BORANG PROKSI



LAPORAN PENGARAH

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 1999

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya mengemukakan Laporan mereka berserta dengan akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1999.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat ialah penghantaran, pembahagian dan penjualan tenaga elektrik. Mulai 1 September 1999, pengurusan aktiviti-aktiviti penghantaran dan pembahagian telah diambil alih oleh syarikat-syarikat subsidiari milik penuh Syarikat iaitu TNB Transmission Network Sdn Bhd dan TNB Distribution Sdn Bhd.

Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti mana tercalat dalam Nota 9 kepada akaun. Dalam tahun kewangan ini, tidak terdapat perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti tersebut kecuali seperti dinyatakan di atas.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'juta	Syarikat RM'juta
Keuntungan selepas cukai	741.2	736.3
Kepentingan minoriti	32.3	-
Keuntungan milik pemegang saham	773.5	736.3
 Dividen		
Akhir - 5 sen kasar sesaham ditolak 28% cukai pendapatan, dicadangkan	(111.6)	(111.6)
Keuntungan bagi tahun ini dibawa ke hadapan	661.9	624.7

DIVIDEN

RM'juta

Jumlah dividen dibayar ataupun dilisytiharkan sejak 31 Ogos 1998 adalah seperti berikut:

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1998, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Pengarah untuk tahun berkenaan:

Dividen pertama dan akhir 5 sen kasar sesaham ditolak 28% cukai pendapatan, dibayar pada 25 Januari 1999

111.6

Pengarah-pengarah mencadangkan pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 5 sen kasar sesaham ditolak cukai pendapatan yang mana, akan ditentukan menerusi persetujuan ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat, akan dibayar pada 24 Januari 2000.

LAPORAN PENGARAH

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos 1999 (Sambungan)

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan adalah seperlimana tercatat dalam nota-nota kepada akaun.

MODAL SAHAM

Bagi tahun kewangan semasa, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan dibayar telah meningkat daripada RM3,099,980,300 kepada RM3,101,368,300 disebabkan terbitan 1,365,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan harga terbitan bernilai RM5.13 sesaham dan 23,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dengan harga terbitan bernilai RM7.92 sesaham di bawah Skim Opsyen Saham Anggota Kerja ('ESOS'). Saham-saham baru ini bertaraf pari passu dalam semua hal berhubung dengan saham-saham Syarikat yang sedia ada.

SKIM-SKIM OPSYEN SAHAM

Opsyen-opsyen di bawah ESOS membolehkan Pengarah, Anggota Kerja dan Pesara Kumpulan yang layak untuk melanggar saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu. ESOS ini berkuatkuasa pada hari-hari tertentu dalam tempoh mulai 5 Jun 1993, tetapi tidak lewat dari tiga puluh hari sebelum 11 Mei 1997, seperti ditentukan di dalam undang-undang kecil ESOS. Pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 6 Jun 1996, para pemegang saham meluluskan tempoh lanjutan ESOS kepada lima tahun yang akan tamat pada 11 Mei 2002.

Bagi tahun kewangan semasa, jumlah saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang ditawarkan dan dilaksanakan di bawah ESOS adalah seperti berikut:-

Harga opsyen	Bilangan opsyen-opsyen saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				Tarikh tamat
	Pada 1.9.1998	Ditawar	Dilaksana	Setakat 31.8.1999	
RM setiap saham					
11.61	2,734,000	-	-	2,734,000	11 Mei 2002
7.92	3,711,000	-	(23,000)	3,688,000	11 Mei 2002
7.06	300,000	-	-	300,000	11 Mei 2002
5.13	-	4,239,000	(1,365,000)	2,874,000	11 Mei 2002
	6,745,000	4,239,000	(1,388,000)	9,596,000	

